

BAB 3

(Adat-Adat Menyambut Kelahiran Bayi)

BAB 3

ADAT – ADAT DI DALAM MASYARAKAT ISLAM DI JAJAHAN TANAH MERAH, KELANTAN.

3.1. Pengenalan:

Adat dalam pengertian yang luas kepada orang Melayu Islam meliputi keseluruhan tradisi budaya yang diwarisi.¹ Di mana usaha menjaga dan mempertahankan tradisi adat adalah tanggungjawab semua anggota masyarakat. Mempertahankan adat juga bermakna mempertahankan identiti budaya Melayu Islam yang diwarisi sekian lama.²

Sebenarnya melalui tradisi adat, orang Melayu dapat memupuk nilai-nilai sejagat yang menjamin keharmonian dan kestabilan dalam hubungan sosial. Orang Melayu menyedari pentingnya tradisi adat dipertahankan dan mereka sentiasa menyanjung tinggi tradisi adat itu. Justeru, mereka tetap beranggapan bahawa adat itu tidak bertentangan dengan Islam bahkan ianya selaras dengan nilai-nilai dan kehendak-kehendak Islam.³ Dalam menunjukkan pri pentingnya tradisi adat ini dipertahankan dari satu generasi kepada satu generasi yang lain, maka lahirlah satu ungkapan iaitu : “*Biar mati anak jangan mati adat*”.

¹ Abu Bakar Hamzah (1989), *Nasionalisme dan Islam: Rujukan kepada Malaysia*, Ismail Hussien, A.Aziz Deraman et.al., Tamadun Melayu, jld. 2, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 32.

² Wan Abdul Kadir Wan Yussoff (1998), *Tradisi Budaya Melayu Berteraskan Islam*, dalam Jurnal Pengajian Melayu, jld 8, h. 86.

³ Al-Attas, S.M.Nuquib (1969), *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, KualaLumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, h 26, Mohd Taib Osman (1980), *Agama dan Kepercayaan Orang Melayu: Organisasi dan Struktur*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 43.

3.2. Pengertian Adat

3.2.1. Pengertian Adat dari segi Bahasa:

- i. Adat dari segi bahasa diambil daripada perkataan al-'aud (الْعَد) atau *al-mu'āwadah* (الْمَعْوَدَة) yang bererti ulangan iaitu merupakan satu kata nama yang menunjukkan perulangan perbuatan atau bentuk tingkahlaku yang telah menjadi satu perkara yang mudah dan tertib.⁴
- ii. Bentuk tingkahlaku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegini lama sehingga menjadi sebagai satu tradisi.⁵
- iii. Apa-apa yang dilakukan oleh manusia berkali-kali tanpa keberatan.⁶

3.2.2. Adat dari sudut Istilah :

- i. Adat merupakan satu peraturan yang sudah diamalkan sejak dahulu kala, turun-temurun dalam sesbuah masyarakat. Ia akhirnya menjadi hukum dan peraturan yang mesti dipatuhi.⁷
- ii. Adat digunakan untuk keseluruhan pola tingkahlaku yang telah dibentuk oleh tradisi dan disemat dalam jiwa raga sesuatu masyarakat. Di mana sebelum sesuatu tingkahlaku itu menjadi adat dan tradisi, tingkahlaku tersebut mestilah diperakui, diamalkan dan seterusnya diperturunkan kepada generasi berikutnya.⁸
- iii. Menurut Yusof Zaky Yaakub, adat adalah merupakan satu peraturan atau undang-undang yang tidak bertulis yang

⁴ Mustafa Ahmad al-Zarqa (1967), *Al-Fiqh al-Islāmi Fi Tawbīh Al-Jadīd*, Damsyik: Matba'i alif ba-al-Adib, h. 838, Jamal al-Banna (t.t), *Fiqh al-Jadid*, Beirut: Dar al-Fikr, h. 295.

⁵ Ensiklopedia Malaysia(1996), jld.1,K.Lumpur: Anzgin Sdn.Bhd, h. 119.

⁶ Muhammad Rawwas, et.al. (1985), *Mu'jam Lughat al-Fuqaha*, Beirut:Darul Nafeas, h. 299.

⁷ Tenku Iskandar (1994), *Kamus Dewan*, ed.3, cet.1.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka,h. 7.

⁸ Ensiklopedia,Op.cit., h. 119.

dipindahkan dari satu generasi kepada satu generasi melalui asuhan, didikan dan warisan orang- orang tua.⁹

- iv. Abdul Samad Said mengatakan adat ialah satu sistem pentadbiran dan pemerintahan yang meliputi cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara serta menjadi peraturan hidup sehari-harian.¹⁰

Menerusi beberapa takrif yang dikemukakan dari pelbagai sumber, dapatlah penulis membuat kesimpulan bahawa adat adalah cara hidup harian dan pola budaya sehari-harian yang jelas dilihat melalui kekerapan amalannya dan ianya mesti diikuti sebagai menghormati nilai kemasyarakatan.

3.3 Pengkategorian Adat Masyarakat Melayu Islam

Walaupun masyarakat umumnya mentakrifkan adat itu sebagai satu kelaziman, namun bagi masyarakat yang mengamalkan adat pepatih mengkatogerikan adat itu kepada empat, iaitu adat Yang Sebenarnya Adat, Adat Yang Teradat, Adat Yang Diadatkan dan Adat Istiadat.¹¹

3.3.1 Adat Yang Sebenarnya Adat

Adat yang sebenarnya adat merupakan adat yang bersifat tabie dan mengikut hukum alam atau fitrah itu sendiri, seperti api bersifat panas dan membakar, batu pula yang bersifat keras dan air sungai mengalir dari hulu ke hilir. Adat ini merupakan sesuatu yang umumnya tidak dapat diubah dan bersifat

⁹ Yusuf Zaky Yaakub (1964), *Prinsip -prinsip Ilmu Masyarakat*, Kota Bharu : Pustaka Aman Press, h. 142.

¹⁰ Abdul Samad Said, "Kemurnian adat pepatih", (Kertas kerja seminar Pensejarahan dan adat Pepatih, N.Sembilan), 9-12 April, 1987, N. Sembilan,h. 6.

¹¹ Norizat Selat (2001), *Manifestasi Kosmologi Dalam Hukum Adat Pepatih Dalam Kosmologi Melayu*, cet.1. Kuala Lumpur: Akedimi Pengajian Melayu, h. 89.

tetap. Dengan kata lain ianya merupakan hukum alam yang tidak boleh diubah atau diganggu-gugat oleh manusia.¹²

3.3.2 Adat Yang Teradat

Merupakan satu prinsip utama yang menjadikan teras kewujudan adat pepati sebagai contoh, sistem kekeluargaan yang berasaskan suku dan sistem tanah pusaka. Maka timbul kata perbilangan :¹³

“Biar mati anak jangan mati adat”.

3.3.3 Adat Yang Diadatkan

Merupakan segala peraturan yang diambil daripada kebiasaan manusia untuk mengatur kehidupan mereka dalam sesebuah bidang seperti dalam kehidupan sosial dan sebagainya. Ianya seperti adat membayar nazar, adat mandi buang sial, adat mandi safar, adat merenjis tepung tawar, adat memuja kampung, adat memuja semangat padi, dan adat melenggang perut.

3.3.4. Adat Istiadat

Adat ini dilakukan dan diupacarkan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh adat dan biasanya dilakukan dalam sesuatu majlis khas¹⁴, contohnya adat istiadat pertabalan Sultan. Adat ini diwujudkan untuk memperelok dan memperlengkapkan upacara adat yang sedia ada. Adat ini tidak bertentangan dengan adat yang diadatkan. Adat ini akan terus berlaku selagi mana masyarakat memandang ianya sebagai sesuatu yang masih diperlukan.

¹² *Ibid.*

¹³ *Ibid.*

¹⁴ Asmad (1990), *Kesenian Adat, Kepercayaan dan Petua*, cet. Melaka Associated Education Distributors (M)Sdn.Bhd, h. 13.

Justeru, setelah dilihat kepada keempat-empat adat tersebut, maka jelaslah bahawa hanya terdapat dua jenis adat yang pada dasarnya tidak berubah iaitu Adat Yang Sebenarnya Adat dan Adat Yang Teradat. Manakala dua jenis adat lagi adalah merupakan adat yang mengalami perubahan, iaitu Adat Yang Diadatkan dan Adat Istiadat. Perubahan ini bergantung kepada bentuk perubahan rasa sosial sesuatu masyarakat.

Yang jelas, setelah ditinjau dari sudut pengkategorian di atas, maka adat menyambut kelahiran bayi yang ingin diketengahkan di dalam penulisan ini adalah termasuk di dalam Adat Yang Diadatkan. Ini adalah kerana iaanya termasuk di dalam peraturan hidup yang terhasil daripada muafakat dan musyawarah semua pihak.

3.4 Adat Menyambut Kelahiran Bayi Dalam Masyarakat Islam di Jajahan Tanah Merah, Kelantan.

Adat menyambut kelahiran bayi di kalangan masyarakat Melayu Kelantan dan khususnya di jajahan Tanah Merah dapat dikategorikan kepada dua peringkat iaitu adat sebelum dan adat selepas kelahiran. Di mana pengamalan adat-adat sebelum kelahiran lebih tertumpu kepada adat-adat penjagaan ibu dan bayi dan adat-adat agar mudah bersalin. Manakala adat-adat yang sering diamalkan selepas bersalin lebih berfokuskan kepada adat-adat pemulihan kesihatan ibu, adat-adat penjagaan diri dan adat-adat yang dikaitkan dengan ajaran agama.

3.4.1 Adat Sebelum Kelahiran (Di Dalam Tempoh Mengandung)

Adat-adat dalam kategori ini boleh dibahagikan kepada dua aspek. iaitu adat penjagaan ibu dan bayi serta adat memudahkan ibu bersalin.

3.4.1.a. *Adat-adat Penjagaan Ibu dan Bayi*

Biasanya adat-adat ini diamalkan oleh masyarakat Melayu Islam Kelantan dan khususnya di jajahan Tanah Merah dalam tempoh sebelum perlakuan kelahiran atau ketika mengandung yang kebanyakannya berkaitan dengan pantang larang. Boleh dikatakan pantang larang ini melibatkan kedua-dua belah pihak sama ada si suami dan si isteri.¹⁵ Terlalu banyak pantang larang dan petua-petua orang Melayu yang berkaitan dengan kehamilan. Sesuatu yang buruk mungkin berlaku sekirannya ia tidak dipatuhi. Yang jelas, pantang larang ini terjadi disebabkan oleh kepekaan masyarakat Melayu yang dahulu kala tentang penjagaan kesihatan ke atas ibu dan bayi. Bertitik tolak dari keperihatinan penjagaan terhadap kesan negatif ke atas kesihatan ibu dan bayi maka lahirlah bentuk-bentuk patang larang dalam masyarakat Melayu Islam. Perlakuan ini mungkin pada mulanya secara kebetulan mempunyai kesan ke atas kesihatan seseorang yang mengamalkannya melalui pengalaman dan amalan yang berterusan yang kemudian menjadi suatu norma masyarakat.

Justeru, jadilah pantang larang umpama warisan yang perlu dijaga. Oleh itu ianya tidak hanya terhenti kepada si isteri sahaja malah juga kepada si suami. Maka di sana kita dapati terdapat banyak pantang larang sama ada pada perlakuan, perkataan dan juga makanan. Semuannya ini perlu dipatuhi demi untuk keselamatan dan kesejahteraan ibu dan bayi. Pantang larang yang dikuatkuasakan

¹⁵ Limah Bt Daud (Mok Che Embon), Bidan kg. Bukit Bunga, Tanah Merah, Temubual pada 20hb. Jun.2003, jam 11.30 pagi.

itu terbahagi kepada tiga iaitu pantang larang makanan, pantang larang perlakuan dan perkataan.

Ketiga-tiga jenis pantang larang itu terdapat dalam budaya Melayu dan masih diamalkan oleh masyarakat Islam Kelantan khususnya di kawasan jajahan Tanah Merah. Walaupun begitu, kebanyakan daripada pantang larang masyarakat Melayu Kelantan lebih berbentuk sementara.

Di antara pantang larang yang dikenakan kepada isteri yang sedang hamil mahupun suami ialah:

3.4.1.a.1 Pantang Larang Kelakuan

Di dalam kategori pantang larang ini, bakal ibu tersebut tidak dibenarkan sama sekali menunggu, melintasi tempat-tempat yang dikira kurang baik dan kurang bersih. Dengan kata lain si ibu dilarang sama sekali melintasi tempat-tempat yang kotor seperti di kawasan longgokan sampah yang dibuang dan sebagainya. Keadaan in akan lebih memudarangkan lagi jika si ibu tersebut terlangkah sesuatu yang dianggap kotor lagi jijik. Perlanggaran ini berkemungkinan akan menyebabkan sesuatu yang buruk berlaku kepada kandungan yang bakal ditimang tersebut. Ianya akan menyebabkan si anak yang bakal dilahirkan nanti akan mendapat penyakit-penyakit kulit yang sukar diubati¹⁶ seperti penyakit kulit berkerapu, mudah dijangkati kurap dan lain-lain lagi. Pantang larang ini perlu dijaga dan diamati pada masa ketika kandungan itu ke arah untuk membentuk sifat seorang bayi. Tempohnya ialah dalam masa tiga atau empat bulan kehamilan.¹⁷ Namun untuk menghindari daripada ditimpa oleh

¹⁶ Limah bt Daud, Opcit., Temubual pada 21hb.Jun, 2003, jam 12.00 tengahari, Che Bidah Bt Deraman, Mok Bidah Latah, Bidan Kg.Padang Siam, Temubual pada 13hb.September, 2003, jam 4.00 petang.

¹⁷ Ibid

penyakit kulit, bayi-bayi tersebut akan dimandikan dengan air kelapa muda sebaik sahaja ianya dilahirkan.¹⁸

Si isteri itu juga digalakkan mengandung dalam keadaan yang ideal. Di mana pasangan perlu melakukan persetubuhan ketika badan pasangan itu berada dalam keadaan sejuk, suatu keadaan yang wujud sekali sebulan. Iaitu pada mana-mana hari pada sembilan hari pertama tiap –tiap bulan Islam.¹⁹

Di antara pantang larang yang masih lagi dipegang teguh sehingga sekarang ini ialah menjauhkan diri daripada melakukan larangan-larangan yang boleh menyebabkan kenan. Kenan dipercayai boleh terjadi akibat daripada perbuatan membunuh atau menyeksa binatang ataupun ketika melakukan sesuatu perbuatan yang bukan bersifat membunuh atau menyeksa, tetapi si pelaku lupa yang dirinya sedang mengandung.²⁰

Justeru, bapa kepada anak yang bakal dilahirkan itu ditegah daripada terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang boleh menyebabkan anaknya dilahirkan cacat anggota atau dilahirkan menyerupai binatang berkenaan, misalnya bersabung ayam atau memburu binatang liar dan mencacatkan mana-mana anggota binatang tersebut. Walaupun begitu si bapa dan juga si ibu boleh melakukan perbuatan yang mencacatkan mana-mana anggota binatang atau haiwan yang bernyawa tetapi dengan syarat kedua-dua mereka perlu mengerakkan dan membangunkan bayi di dalam kandungan tersebut dengan kata-kata atau ucapan “*Bangunlah wahai anakku, ibu atau bapa ingin ...*” Atau pun membacakan doa –doa pelindung diri yang terdiri daripada ayat-ayat al-Qurān, jampi mentera bertujuan

¹⁸ Yah Bt Ishak (Tok MokYong), Bidan Kg. Jakar,Tanah Merah, Kelantan, Temubual pada 23hb.Disember, 2003, jam 12.00 tengahari.

¹⁹ Hasim Awang.AR, (2000), *Kelezuran dan Kesihatan*, cet.1. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 99.

²⁰ Amran Kasimin (1995), *Penjagaan bayi dan ibu dalam pantang*, cet.1. Kuala Lumpur: Dinie Publisher, h. 57.

untuk mengelakkan diri suami isteri dan juga anak dalam kandungan daripada kuasa-kuasa jahat yang sentiasa berusaha mengganggu dan menyakiti manusia.²¹ Sekiranya kedua-dua pasangan terlupa mengatakan yang sedemikian adalah berkemungkinan kandungan yang terdapat di dalam rahim ibu tersebut akan mendapat akibat yang sama seperti tadi. Sebagai contohnya kanak-kanak yang mulutnya sumbing adalah kesan daripada perlanggaran pantang-larang oleh si bapa atau si ibu yang memotong atau menyiang ikan atau manapun haiwan yang bernyawa. Inilah suatu gambaran yang digunakan oleh masyarakat di daerah ini untuk menjelaskan kejadian bayi yang dilahirkan cacat anggota. Pantang larang ini biasanya bermula pada bulan ketiga dan keempat kehamilan dan tamat setelah bulan kelima dan seterusnya.²²

Dalam pada itu juga si ibu perlu memastikan kepada setiap pakaian yang dipakainya seperti kain kelubung itu tidak disimpul atau dibelit kuat. Sekiranya berlaku perlanggaran adat tersebut besar kemungkinan anak yang dilahirkan nanti akan tersimpul tali pusatnya.²³ Begitu juga tidak digalakkkan kepada si ibu yang hamil untuk bersiar-siar atau berjalan-jalan di waktu senja atau maghrib. Perlanggaran terhadap pantang larang ini boleh menyebabkan anak akan terkena sawan tangis.²⁴

Terdapat juga pantang larang yang dikenakan kepada si ibu yang hamil iaitu dengan melarangnya daripada duduk di mana-mana muka pintu rumahnya. Jika pantang larang ini dilanggari oleh si ibu maka kemudian hari akan menyebabkan kerumitan ketika bersalin. Ini adalah kerana si ibu tersebut seolah-

²¹ Che Yam (Mok Yam), bidan kampung Bukit Gading, Temubual pada 12hb. Februari, 2003, jam 11.30 pagi.

²² Masitah bt Hj.Puteh, bidan kampung Bukit Gading, Tanah Merah, Temubual pada 19hb.Februari, 2003, jam 2.30 petang.

²³ Yah Ishak, Tok Mok Yong,bidan kampung Jakar, Tanah Merah, Temubual pada 22hb. Disember, 2003. Jam 12.00 tengahari.

²⁴ *Ibid*

olah cuba menghalang dan menyusahkan orang yang ingin memasuki rumahnya maka dia dibalas dengan kerumitan ketika bersalin.²⁵

Si ibu dan si suami juga perlu menjaga perlakuannya daripada melakukan sesuatu perkara yang menghina makhluk Allah yang bernyawa seperti dengan cara menendang dengan menggunakan kaki kepada kucing atau binatang ternakan ketika di dalam pantang tersebut. Perlanggaran terhadap pantang larang ini boleh mengakibatkan anak-anak tersebut agak sukar mematuhi atau mengikut perintah bapa dan ibu.²⁶ Pantang larang ini perlu dipatuhi bersama bermula dari ibu mengandung sehingga bersalin.

Walaupun disepanjang tempoh mengandung perempuan itu tidak dilarang daripada melakukan persetubuhan dengan suaminya namun demikian di peringkat awal kehamilan dinasihati mengelak daripada melakukan persetubuhan. Ini ada kaitan dengan keselamatan kandungan, iaitu memberi peluang kepada kandungan membesar dengan sihat.²⁷

3.4.1.a.2 Pantang Larang Makanan.

Amalan lain yang sering dilakukan oleh masyarakat di sini ialah pantang-larang terhadap makanan. Mengikut masyarakat di jajahan tersebut pantang larang makanan dikenakan pada waktu-waktu yang tertentu khususnya saat-saat genting dalam hidup seperti waktu sakit ataupun dikala nyawa terancam seperti bersalin. Pantang larang itu juga dikenakan di waktu seseorang individu berada dalam keadaan ‘liminal’ yakni di antara dua alam.²⁸

²⁵ Tok Moyong, *Op.cit.*

²⁶ *Ibid*

²⁷ Tok Cher, bidan kampung Gual Ipoh, Temubual pada 20hb.Februari 2003, jam 3.30 petang.

²⁸ Hasim Awang AR (1988), *Fenomena, Sri Penerbitan Jab.Pengajian Melayu*, cet.1. bil 6, h. 39.

Pantang larang makanan ini ada dua iaitu sementara ataupun mengikut masa dan ketika dan pantang larang yang tetap.²⁹ Dari segi pantang larang tetap semua makanan itu tidak dibenarkan makan dalam sebarang keadaan. Manakala pantang larang sementara dikenakan pada masa atau tahap-tahap tertentu dalam lingkaran hidup ataupun dalam keadaan seperti sakit,mengandung selepas menyusu anak dan sebagainya.

Pantang larang makanan dikenakan kepada semua perempuan yang mengandung sehingga bersalin. Di peringkat awal mengandung perempuan mengandung dilarang daripada memakan makanan yang dipercayai tajam dan panas, iaitu makanan yang dipercayai boleh menggugurkan kandungan khususnya tempoh tiga bulan pertama mengandung. Makanan yang tajam itu di antaranya ialah nenas muda dan air kelapa muda. Di tahap ini perempuan yang mengandung dilarang daripada memakan makanan panas, misalnya ramuan akar kayu seperti jamu dan makjun. Malah perempuan mengandung digalakkan memakan makanan masam dan sejuk, misalnya buah mangga muda dan buah kedondong.³⁰

Selepas tahap awal mengandung ini, pada praktiknya perempuan mengandung boleh makan apa sahaja yang disukainya kerana selepas tiga bulan pertama mengandung kandungan itu dipercayai kukuh dan sukar digugurkan.

Larangan lain kepada si isteri yang masih dalam hamil ialah memakan makanan yang kembar sifatnya misalnya makan pisang kembar. Ini boleh menyebabkan si ibu yang mengandung tersebut akan memperolehi anak yang kembar.³¹

Bagi ibu yang mengandung di peringkat awal kehamilannya iaitu dari bulan pertama hingga ke bulan yang ketiga harus berhati-hati memakan sesuatu

²⁹ *Ibid.*

³⁰ Tok Moyong, *Op.cit.*

³¹ Aminah bt Mat Ali, (Mok Nah),Kg. Domis, Temubual pada 23hb Mac.2003, jam 4.30 petang.

makanan yang dikatakan tajam seperti buah nangka, durian dan nenas. Ini adalah kerana ianya dipercayai boleh menyebabkan keguguran.³² Masyarakat Melayu Islam mempercayai bahawa terdapat kaitan yang rapat antara makanan dengan penyakit. Dengan itu makanan mempunyai dua sifat atau peranan penting dalam konteks kesihatan, iaitu sebagai penawar dan sebagai racun. Kalau dimakan secara sederhana mendatangkan manfaat tetapi sekiranya dimakan berlebihan boleh mendatangkan kemudarat. Hakikat ini diakui oleh masyarakat Melayu sejak zaman berzaman lagi.³³

Yang jelasnya pantang larang makanan ini diibaratkan seumpama menempatkan perempuan mengandung sebagai kategori khas yang bertujuan untuk melindungi perempuan berkenaan dan kandungannya.³⁴ Pantang larang ini penting untuk mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini

3.4.1.a.3 Pantang Larang Perkataan (Pertuturan)

Penjagaan terhadap bakal bayi yang akan dilahirkan kelak agar mempunyai sifat yang baik dan berakhhlak mulia, Justeru, masyarakat Islam di jajahan ini turut mengamalkan pantang larang percakapan atau pertuturan yang berunsur keji atau kurang sopan kepada sebarang makhluk yang bernyawa, terutamanya kepada manusia. Di mana dalam peringkat awal kehamilan sehingga tiba saat kelahiran si ibu dan si bapa ditegah daripada bertutur dengan perkataan yang kurang baik atau tidak sopan sama ada kepada haiwan ataupun manusia. Seandainya, pantang larang ini dilanggar besar kemungkinan bayi yang bakal lahir tersebut akan menerima akibat atau sumpahan sebagaimana yang

³² Hashim Awang, *Op.cit.*, h. 38.

³³ Tok MokYong, *Op.cit.*,Hashim Awang.*Op.cit.*, h. 34.

³⁴ Mok Bidh Latah, *Op.cit.*,Hashim Awang A.R, *Keuzuran dan Kesihatan*, *Op.cit.*, h. 110.

dilafazkan. Tempoh pantang ini perlu dijaga terutama pada bulan ketiga hingga kelima kehamilan.³⁵

3.4.1.b *Adat Menentukan Jantina*

Di sana terdapat berbagai cara di dalam menentukan jantina bayi dalam masyarakat Melayu berkenaan. Di mana sebelum kedapatan alatan yang canggih lagi sofistikated ini, kebanyakan mereka menentukan jantina hanya dengan cara memerhatikan perlakuan si ibu dan kandungannya sahaja. Jika si ibu yang sedang mengandung itu sering sahaja sakit-sakit, itu menandakan bahawa perempuan itu sedang mengandungkan anak perempuan. Sekiranya kandungan itu aktif bergerak dan berada sebelah kiri perut ibunya maka jantina kandungan itu lelaki dan sekiranya di sebelahnya kanan maka jantina kandungannya ialah perempuan.³⁶

Begitu juga bentuk perut diambil kira di dalam menentukan jantina. Sekiranya perut perempuan yang mengandung itu bulat dan menonjol ke depan itu menandakan kandungannya lelaki dan sekiranya muka perempuan mengandung itu suka bersolek itu menandakan beliau akan melahirkan anak perempuan.³⁷

Namun akhir-akhir ini didapati masyarakat di jajahan Tanah Merah telah menukar corak menentukan kandungan bayi daripada teknik tradisional kepada teknik yang lebih sofistikated iaitu dengan menggunakan ultrasaund yang dianggap lebih tepat dan tidak memberi kesan *radition*. Di mana pengesanan kedudukan bayi menggunakan tangan, yang bergantung kepada kemahiran dan pengalaman

³⁵ Lijah bt Daud, bidan kampung Jakar, Temubual pada 17hb.Mac 2003, jam 12.30 tengahari.

³⁶ Hashim Awang A.R, *Op.cit.*, h. 103.

³⁷ *Ibid.*

biarpun memperlihat kebenaran, tetapi ianya tidak memastikan kesahihan yang tepat.³⁸

3.4.1.c *Adat Melenggang Perut (Menempah Bidan)*

Mengikut adat resam orang Melayu bahawa setelah ibu yang mengandung tujuh bulan, maka tibalah masanya mengadakan istiadat melenggang perut dan menempah bidan. Biasanya dilakukan pada akhir bulan seperti 19, 21 dan 29 haribulan Islam iaitu ke arah turun. Tetapi sebaik-baiknya ialah pada hari Rabu atau Khamis. Jika hari -hari itu jatuh pada Selasa atau Jumaat dianggap sial dan tidak baik. Lebih-lebih lagi jika ada kematian di kalangan keluarga mereka.³⁹

Adat menempah bidan atau melenggang perut ini perlu dilakukan pada bulan ketujuh kehamilan. Ini adalah kerana kandungan yang berada di dalam rahim perempuan yang hamil itu sudah pun cukup sifatnya sebagai seorang bayi.

Adat melenggang perut ini berbeza dari satu tempat dengan tempat yang lain dan dari satu negeri ke negeri yang lain. Namun perbezaannya tidaklah begitu ketara.

Di negeri Kelantan pada tahun 70an upacara ini dimulakan dengan persiapan sebelum upacara yang terdiri daripada pelepas daun kelapa, tepung tawar, air beluru, air nyior, sebiji kelapa yang dikikis sabut dan bulunya serta seurat benang yang dipintal halus-halus. Nasi atau pulut semangat juga digunakan dengan lauk-lauk yang terdiri dari ayam, otok-otok dan telor.⁴⁰

Manakala di daerah Tanah Merah kini, upacara sebegini masih diamalkan namun tidak kesemua bahan yang digunakan masih dipakai. Di antara bahan yang

³⁸ Fatimah bt Sulaiman, Kak Moh, pengamal setia adat kelahiran Melayu, Kg. Padang Siam, Tanah Merah, Temubual pada 21hb.Mac,2003, jam 4.30 petang.

³⁹ H.M.Sidin,(1980), *Asal Usul Adat Resam Melayu*, Kuala Lumpur :Pustaka Antara, h. 89.

⁴⁰ Nik Saffiah Hj.Karim et al. (1982), *Kajian Kebudayaan Melayu*, Dian h. 134-135.

masih diguna pakai ialah satu biji kelapa untuk dibuat minyak selusuh, beras kunyit, benang, satu piring pulut semangat dan tiga helai kain sarung perempuan. Digunakan bahan-bahan tersebut agar kandungan terhindar daripada terkena ‘sabit’ atau kecacatan.⁴¹

Menurut Che Bidah⁴² dan Che Empon⁴³ pada bulan kelapan kehamilan melenggang perut tidak boleh dilaksanakan upacaranya. Ini adalah kerana pada bulan kelapan biasanya kandungan yang dilahirkan itu ramai yang meninggal dunia. Menurut mereka kandungan pada bulan kelapan ini kembali lembut tidak sebagaimana bulan yang ketujuh tadi. Dan jika dilakukan juga boleh mencacatkan kandungan tersebut. Justeru, upacara melenggang perut ini dilaksanakan pada bulan yang dijangka bahawa kandungan itu selamat jika dilahirkan seperti bulan ketujuh dan kesembilan. Namun pada bulan kesembilan ini akan dibuat sekiranya perempuan yang mengandung itu tidak sempat melenggang perut pada bulan yang ketujuh tadi dan tidak pada bulan yang kelapan. Yang terlebih baik dilakukan adat melenggang perut ini pada tanggal 15hb sampai ke akhir bulan Islam iaitu ketika bulan Islam menurun. Tidak digalakkan melakukan amalan tersebut pada permulaan bulan Islam.

Kebanyakan masyarakat Islam di daerah Tanah Merah ini lebih gemar mengadakan upacara sembahyang hajat atau doa selamat sebelum bidan melakukan upacara melenggang perut. Di mana air sembahyang hajat tadi diberi minum atau mandi sehingga lah bersalin.⁴⁴

Dahulunya, upacara ini dimulakan dengan si hamil tidur terlentang. Bidan menyapu perutnya sambil membaca jampi dan mentera. Benang yang dipintal itu

⁴¹ Semah bt Junoh (Tok Mok Moh), bidan kampung Bukit Panau, Temubual pada 13hb. Februari, 2003, jam 3.30 petang.

⁴² Mok Bidah Latah, *Op.cit.*

⁴³ Mak Che Empon, *Op.cit.*

⁴⁴ *Ibid.*

diikat kemas-kemas ke perut perempuan yang hamil itu, kemudian digulingkan kelapa yang dikikis bulu itu di atas perut diikuti pula dengan tepung tawar.

Untuk menghalau penyakit dan lain-lain kesusahan waktu bersalin, si ibu yang hamil disuruh berlunjur sambil bidan membaca jampi serapah dan menarik pelepas sehingga terurai, bidan mencalit tepung tawar itu di dahi siapa sahaja yang hampir dengannya untuk menjauhi daripada godaan hantu syaitan. Pada waktu itu juga doa selamat dibacakan.⁴⁵

Kelapa tadi ditebus, jika airnya memancut keluar, maka lelakilah anak yang bakal dilahirkan dan jika air itu meleleh keluar, perempuanlah anak itu kelak. Upacara itu diakhiri dengan perempuan hamil itu dimandikan oleh bidan.⁴⁶

Perempuan mengandung yang hendak dimandikan itu diselitkan sebiji telor, diselitkan di perut kain basahan, telur itu hendaklah dijatuhkan dengan cara yang tidak disengajakan. Mak bidan menjiruskam air dari kepala perempuan itu, supaya menjadi senang waktu bersalin.

Setelah mandi, perempuan itu disuruh bercermin muka dengan harapan anak yang bakal dilahirkan kelak cantik. Setelah selesai Mak Bidan juga berjampi serta memesan kepada hantu Meriam Tujuh Beradik supaya jangan mengganggu perempuan itu. Kemudian Mak Bidan kembali dan membawa sirih pinang ke rumahnya.⁴⁷

Mengikut adat resam orang melayu pada tahap *pre-natal* ini kedudukan kandungan perlu diberi perhatian. Tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada bayi itu berkedudukan songsang iaitu sama ada melintang atau menegak yakni kaki ke bawah dan kepala ke atas. Sekiranya didapati kedudukan kandungan itu

⁴⁵ Mariam Mamat, Mok Yam, bidan kampung Batu Gajah, Temubual pada 18hb. Mac, 2003, jam 12.00 tengahari.

⁴⁶ *Ibid*

⁴⁷ Mariam Jusoh, bidan kampung Batu 11 Kemahang, Temubual pada pada 24hb.September,2003, jam 3.00 petang.

songsang, kedudukan itu perlu diperbetulkan. Bidan dipanggil untuk membetulkan kedudukan kandungan itu. Bidan membetulkan kedudukan bayi songsang dengan cara mengurut perlahan-lahan perut perempuan berkenaan untuk menggerakkan— gerakkan kepala kandungan ke kedudukan yang betul, iaitu kepala ke bawah. Sesudah dibetulkan kedudukannya maka dipercayai perempuan itu akan bersalin dengan selamat. Namun demikian, persiapan perlu dibuat agar tiada kuasa ghaib yang mengganggu dan menyusahkan sesuatu kelahiran. Justeru, bidan melakukan sesuatu sebaik sahaja sampai di rumah perempuan yang hendak bersalin. Bidan akan menabur beras kunyit ke empat penjuru dan membaca jampi tertentu.⁴⁸ Keadaan ini akan dilakukan beberapa kali di dalam seminggu selepas percubaan yang pertama sehingga kandungan berumur 36 minggu. Ketika itu bayi sudah agak besar menyebabkan ruang rahim sempit.

Dalam pada itu juga kedudukan bayi songsang tersebut akan diusahakan agar kembali kepada posisi yang normal dengan cara meminum air selusuh yang telah didoakan⁴⁹ ataupun diadakan suatu majlis sembahyang hajat dan doa selamat.⁵⁰

3.4.1.d Adat Pemakanan dan Penjagaan Kesihatan

Di sana terdapat amalan atau adat ibu-ibu yang gemar melihat anak mereka dilahirkan dalam keadaan sihat dan selamat. Dalam menentukan kandungan yang bakal diperolehi nanti si ibu dan bapa akan berusaha sedaya mungkin untuk melihat zuriatnya itu sihat dan selamat. Justeru, ibu-ibu disarankan agar banyak meminumkan air kelapa muda seminggu sekali tetapi tidak terlampau

⁴⁸ Hashim Awang A.R. *Op.cit.*, h. 103.

⁴⁹ Hjh.Zubaidah bt Daud, isteri Tuan Guru Hj.Mohammad bin Hj.Senik, Pondok Baru Padang Siam, Tanah Merah , Temubual pada 10hb.Jan.2003,jam 3.30 petang.

⁵⁰ *Ibid.*

banyak ketika si ibu mengandung enam atau tujuh bulan bagi memperolehi bayi yang berkulit cantik dan lembut.⁵¹

Begitulah juga ibu-ibu disarankan agar banyak makan makanan yang berkhasiat seperti telur ayam kampung, ikan yang tidak berbisa, sayur yang berdaun hijau dan buah-buahan segar. Vitamin-vitamin yang terdapat pada sayur-sayuran buah-buahan, beras, mentega, daging dan ikan perlu untuk menyempurnakan bahagian-bahagian tubuh janin dan mencegah dari berbagai penyakit. Sayugianya makanan ibu tidak dicampuri bahan-bahan kimia atau bahan pewarna kerana dibimbangi makanan yang tidak mengikut kesihatan yang sepatutnya boleh menggugat kesihatan bayi.⁵² Sehingga turut dibimbangi juga bagi ibu-ibu yang kerap mengambil ubat-ubatan kimia termasuk aspirin, boleh membantutkan kecerdasan bayi kerana bahan-bahan kimia tadi mampu membuatkan gangguan saraf yang boleh mengakibatkan lemah kecerdasan otak.⁵³

Di dalam menjaga kesihatan anak, si ibu disarankan agar memakan makanan yang berzat dan berkhasiat agar anak yang bakal dilahirkan kelak akan sihat dan segar dengan kata lain mudah untuk bersalin. Makanan yang berkhasiat dan seimbang akan memberikan zat-zat yang berguna untuk kesihatan tubuh bayi bagi mengindarkan penyakit-penyakit yang mungkin menghinggapi bayi itu di belakang hari.

Menurut masyarakat di daerah ini, jika si ibu memakan makanan yang sempurna, maka dia akan sihat selama mengandung dan sesudah bersalin. Badannya akan lebih bertenaga untuk memudahkan proses bersalin dengan mempunyai darah yang secukupnya dan boleh mengurangkan risiko sesak nafas setelah melahirkan anak kerana kekurangan oksigen dan darah.

⁵¹ Tok Moyong, *Op.cit.*

⁵² Mok Bidah Latah, *Op.cit.*, Ibn Qayyim al-Jauzi, (1988), *Zad al-Ma'adi*, *Op.cit.*, h. 114.

⁵³ Hj.Abdullah al-Qari, *Amalan dan wirid mudah bersalin*, Kuala Lumpur: al-Risalah h. 147.

Dalam pada itu juga si ibu disarankan agar membanyakkan memakan sayuran hijau dan buah-buahan agar cukup vitamin dengan memakan separuh mentah dan mengurangi memasak dengan air atau santan kelapa kerana dibimbangi boleh menganggu pencernaan makanan.⁵⁴ Namun setelah kandungan masuk kepada membesar adalah wajar bagi si ibu mempelbagaikan ragam makanan.

Begitulah juga, ibu-ibu perlulah diberi kerehatan yang secukupnya seperti meluangkan masa untuk berbaring atau berehat dengan mengangkat kaki sedapat yang mungkin. Bahkan mengamalkan tidur sebelah tengahari adalah satu cara yang baik. Oleh itu, penjagaan kesihatan sewaktu hamil adalah penting bagi diri ibu dan juga janin.⁵⁵

3.4.1.e. Adat Penuhi Permintaan

Adat permintaan ini adalah hasil daripada permintaan si isteri yang sedang hamil yang menginginkan sesuatu permintaannya dipenuhi oleh suami. Mengikut kepercayaan masyarakat di sekitar jajahan ini, sekiranya permintaan si isteri yang mengandung itu tidak dipenuhi oleh si suami, sudah pasti isteri yang sedang mengandung itu akan “*kempunan*” iaitu rasa hampa yang bersangatan akibat keinginan terhadap sesuatu makanan itu tidak diperolehi. Menurut mereka, rasa hampa ini dikatakan boleh menyebabkan bayi yang dilahirkan daripada kandungan itu mengeluarkan air liur di celah bibir tanpa disedari. Air liur yang keluar tadi akan berhenti sendiri setelah bayi tadi meningkat umur empat tahun.⁵⁶

⁵⁴ Tok Cher, *Op.cit.*

⁵⁵ Wan Marzuki bin Wan Omar, Pegawai Perubatan Hospital Daerah Tanah Merah, Temubual pada 22hb.April 2003, jam 4.30 petang.

⁵⁶ Mak Da Che Embon, *Op.cit.*

3.4.1.b. Adat Agar Mudah Bersalin

Terdapat beberapa amalan dan adat yang sering diamalkan oleh masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah untuk mempastikan agar proses kelahiran bayi berjalan dengan lancar tanpa terdapat sebarang masalah. Di antaranya ialah pengambilan air atau minyak selusuh, pengamalan doa-doa dan wirid, bacaan doa selamat dan persediaan kelengkapan bersalin.

3.4.1.b.1. Selusuh

Selusuh ialah nama bagi bahan khusus yang disediakan untuk memudahkan kelahiran bayi dan untuk meringankan penderitaan yang dialami oleh ibu. Di mana masalah utama yang mungkin dihadapi oleh perempuan yang hendak bersalin ialah keadaan sakit hendak bersalin yang terlalu lama dan kelahiran songsang. Justeru, untuk memudahkan perempuan itu bersalin, dia, diberi minum minyak atau air selusuh. Lazimnya selusuh tersebut disediakan oleh pawang, bomoh, dukun, mak bidan atau mereka-mereka yang dianggap alim dengan menggunakan ayat-ayat suci Al-Qur'an seperti ayat pada pembukaan surah "al-Fath", surah "al-Ikhlas", surah "al-Falaq", surah "al-Asr"⁵⁷, ayat⁵⁸

(كَانُهُمْ يَوْمَ يَرَوْنَهَا لَمْ يَلْبِثُوا إِلَّا عَشِيَّةً أَوْ ضَحَاهَا) dan juga selawat *al-sifā*⁵⁹ serta jampi *Mariam*.⁵⁹

Biasanya air selusuh digunakan untuk memudahkan kelahiran bayi, sekiranya ia berada pada posisi normal. Jika bayi itu songsang, air dan minyak selusuh disediakan untuk diminum agar kandungan beralih pada posisi normal.

⁵⁷ Muhamad Abd.Ghani (1996),*Hajat Untuk Pelindung Dan Doa Selamat*, jld 2, cet.4. Kuala Lumpur:Darul al-Nu'man, h. 70, Mok Che Embon, *Op.cit.*

⁵⁸ Abdullah al-Qari (2003), *Amalan dan wirid mudah bersalin*, K.Lumpur: al-Risalah, h. 158.

⁵⁹ Amran Kasimin,,*Op.cit.*, h. 74.

Jika posisi kandungan itu normal air selusuh tadi diberi minum setiap hari sebanyak 2 sudu teh setelah genap sembilan bulan atau dua minggu daripada tarikh dijangkakan untuk bersalin. Tetapi jika posisi kandungan itu songsang ibu-ibu tersebut disarankan meminumnya agak lebih awal. Manakala minyak diminum apabila rasa sakit hendak bersalin itu hampir kemuncak dan juga sedikit dilumurkan di pusat perempuan yang sakit hendak bersalin tadi hingga ke arinya dengan menggunakan ibu jari tangan.⁶⁰ Setelah kandungan telah mencapai usia dari enam hingga kesembilan bulan, maka bolehlah perempuan tersebut berusaha meminum minyak kelapa setiap hari 1 sudu teh.⁶¹ Menurutnya dengan meminum minyak kelapa asli boleh memudahkan ibu bersalin.⁶²

Bahan seperti air yang dijampikan tadi, sebaik-baiknya diambil daripada air zam-zam, kemudian baru air hujan malam Jumaat sekiranya air zam-zam tidak diperolehi. Air hujan biasa atau air masak juga boleh digunakan.⁶³ Ada juga di kalangan bidan-bidan kampung yang mencampurkan air buah kurma di dalam air yang dijampikan tadi untuk dibuat selusuh. Mengikut mereka buah kurma dapat memberi tenaga kepada ibu ketika mengandung disamping Allah pernah mengutuskan malaikat Jibril untuk memberikannya kepada Maryam ketika hampir bersalin.⁶⁴

Manakala cara penyediaan bahan⁶⁵ seperti minyak selusuh ialah dengan menyediakan kelapa tua beberapa biji, parut dan ambil santannya, setelah itu

⁶⁰ Sulaiman Ali dikenali dengan Tok Da, bomoh kampung dan pengamal ilmu Tarikat Kampung Chekok, Tanah Merah, Temubual pada 12hb.Mac.2003, jam 12.00 tengahari, Mohd Satar Awang, Tok Bomoh Kebatinan, Kg.Bukit Bunga, Temubual 22hb.Julai.2001,jam 2.30 petang.

⁶¹ Mak da Che Empon, *Op.cit.*

⁶² *Ibid.*

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Mohd Satar Awang (Mat Suta), *Op.cit.*, Temubual pada 28hb.Mei,2001, jam 9.30 malam.

⁶⁵ *Ibid*

dimasakkan sehingga mengeluarkan minyak. Kemudian disimpan minyak tersebut di dalam botol setelah disejukkan.

Menurut kepercayaan mereka, kesukaran bersalin itu berkemungkinan disebabkan pelbagai perkara. Lazimnya dikatakan berpunca daripada melanggar pantang larang sewaktū mengandung, misalnya selalu duduk di muka pintu ataupun suami menyimpul mati punca kain dan seumpamanya. Adakalanya berpunca daripada gangguan makhluk halus.⁶⁶

3.4.1.b.2 Pengamalan Wirid-Wirid Dan Ayat-Ayat Suci.

Untuk memudahkan lagi proses bersalin si ibu juga digalakkan mengamalkan amalan- amalan wirid dan ayat-ayat suci al-Quran. Amalan ini dilakukan apabila sahaja si ibu mahu membacanya pada bila-bila masa dan ketika.⁶⁷ Di antara tujuannya ialah mengharapkan keselamatan agar sihat dan selamat sebelum dan semasa melahirkan. Ianya juga diharapkan agar dapat menghindarkan diri daripada gangguan makhluk halus sebelum, ketika dan selepas melahirkannya. Di antara wirid -wirid yang sering diamalkan ialah seperti selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dua “*mu’awidhatain*” dan ayat “*al-Kursī*”. Namun ada juga di kalangan ibu-ibu yang gemar membaca surah “*Mariam*”, “*Luqmān*” dan *Yūsuf*.

Apabila hamil, ibu-ibu disarankan agar menjadikan mana-mana zikir-zikir yang sering diamalkan oleh mereka pada setiap hari ketika mengandung bagi memudahkan proses kelahiran bayinya kelak.⁶⁸ Oleh itu, ada di antara mereka

⁶⁶ Mohd Nor bin Isa, pengamal adat resam Melayu, kampung Jakar, Tanah Merah, Temubual pada 15hb.April 2002, jam 2.00 petang.

⁶⁷ Zainab bt Daud, pengamal wirid-wirid dan ayat suci al-Quran,kampung Padang Siam, Temubual pada 14hb.April, 2002, jam 3.30 petang.

⁶⁸ Ashiah bt Hj.Mohamad, pengamal wirid-wirid dan zikir, kampung Pondok Baru, Tanah Merah, Temubual pada 12hb.Mei 2002, jam 2.30 petang.

yang berpendapat bahawa kesusahan dan kerumitan yang sering dialami oleh si ibu ketika bersalin kerana kurangnya pengamalan terhadap ayat-ayat suci atau zikir-zikir.⁶⁹

3.4.1.b.3 Majlis Solat Hajat dan Doa Selamat

Upacara doa selamat ini merupakan acara yang terakhir sebelum perempuan yang hamil itu bersalin. Di dalam majlis ini imam-imam dan juga ustaz-uztaz serta beberapa orang penduduk tempatan akan dijemput bagi mengadakan sembahyang hajat serta membacakan doa selamat kepada si ibu yang bakal bersalin sebelum tibanya tarikh tersebut.⁷⁰ Majlis ini dilakukan setelah cukup sembilan bulan bagi yang perempuan yang bakal melahirkan anak.

Solat hajat ini dilakukan semata-mata untuk meminta pertolongan dari Allah melalui keberkatan orang alim ulama kerana amalannya agak mudah diterima Allah berbanding dengan orang awam biasa bahkan hanya Allah jugalah yang dapat mengadakan dan sekaligus menolak sesuatu. Oleh sebab itu doa selamat dipohonkan kepada Allah agar menyelamatkan si ibu tersebut daripada mala petaka semasa bersalin nanti.⁷¹

Di majlis solat hajat, biasanya diadakan jamuan untuk hadirin yang dijemput untuk bersembahyang di majlis solat hajat tersebut. Jamuan tersebut adalah sebagai suatu tanda meraikan kedatangan mereka yang datang bersama-sama untuk memberikan pertolongan sesama mereka di dalam menyelesaikan

⁶⁹ Hj.Muhamad bin Hj.Ibrahim, Imam masjid mukim Bukit Panau, Temubual pada 12hb.April, 2003, jam 3.00 petang.

⁷⁰ Mohd Junoh bin Saad, Lebai kampung Bukit Bunga,Tanah Merah, Temubual pada 19hb.Mei 2003, jam 5.00 petang.

⁷¹ *Ibid.*

sesuatu masalah yang sedang dihadapi oleh sahabat mereka.⁷² Namun, ada juga di sesetengah tempat dan kawasan, selepas dijamu dengan makanan, tuan hajat tersebut akan memberikan sedikit saguhati berupa wang ringgit sebagai suatu ikhtiar kepada simbolik untuk menolak sesuatu bala. Di mana mereka mempercayai bahawa pemberian sedekah boleh mengindarkan dan menyekat daripada bala yang bakal menimpa.⁷³

3.4.1.b.4 *Amalan Menyediakan Kelengkapan Untuk Bersalin*

Sebagai persiapan untuk bersalin peralatan –peralatan yang diperlukan ialah sebaldi air, seketul sabun dettol, baldi untuk diletakkan kain kotor, bakul kain bersih, kapas dan gunting. Perempuan yang hendak bersalin itu berada dalam kedudukan terlentang dengan lututnya separuh menegak. Kakinya dirapatkan ke punggung dan pahanya terkangkang. Kedudukan seperti ini dipercayai memudahkan perempuan itu bersalin. Manakala bidan pula berlutut atau menanti di depan perempuan yang hendak bersalin menunggu ketibaan bayi. Di samping itu jampi dengan menggunakan selawat kepada Rasulullah dan ayat suci al-Qurān seperti surah *al-Ikhlas* sebanyak tujuh kali di saat ketibaan bayi tersebut.⁷⁴

Dalam suasana menyambut ketibaan bayi tersebut si bidan perlulah bersabar, di mana apabila ternampak sahaja kepala bayi itu terkeluar daripada rahim ibu, bidan dinasihatkan agar tidak terus menarik kepala bayi tetapi sepatutnya dia menunggu sampai lebih kurang setengah jam barulah ditarik secara perlahan-perlahan. Namun jika ternampak kerumitan si ibu tadi dinasihatkan agar batuk-batuk sahaja. Ini dilakukan agar uri di dalam kandungan

⁷² Muhamad bin Ismail, Imam Tua Mukim Kemahang 3,Tanah merah, Temubual pada 9hb.Mac.2002,jam 4.50 petang.

⁷³ Hj.Ghazali Senik, Imam Padang Siam, Temubual pada 20hb.September, 2000, jam 2.30 petang.

⁷⁴ Mek Som bt. Hamat, bidan kampung Tepi Sungai, Temubual pada 13hb.September 2003, Jam 4.00 petang.

itu tidak terlekat di dalam rahim ibu.⁷⁵ Begitu juga mengikut orang-orang tua waktu melahirkan anak perempuan tersebut perlulah menarik nafas sedalam-dalamnya kemudian melepaskan dengan tenang dan cuba bayangkan anda berada di suatu tempat yang sunyi bersama dengan bayi yang comel. Cara ini sedikit sebanyak dapat melupakan sedikit rasa sakit yang begitu menekan.⁷⁶

Untuk memotong tali pusat pula bidan perlu membacakan doa daripada ayat suci al-Qur'an seperti surah *al-Fātiha* dan surah *al-Ikhlās* sebanyak tiga kali. Tali pusat yang telah dipotong itu tadi dimasukkan ke dalam bekas yang telah disediakan kemudian disimpan untuk dijadikan bahan ubat suatu ketika kelak.⁷⁷

Menurut sesetengah bidan kampung,⁷⁸ semasa bayi keluar disertai pula dengan uri maka bersamanya ada empat ekor jin sedang menunggunya. Iaitu jin hitam, merah, putih dan kuning. Semasa memotong tali pusat tersebut bidan akan memohon agar tiga jin iaitu kuning, merah dan hitam agar pergi bersama uri. Manakala tinggal hanyalah jin putih ketika hendak memotong tali pusat. Sebelum memotong tali pusat bidan menyebut seperti berikut:⁷⁹

*"Hai jin yang empat beradik,
Jin hitam,jin kuning dan jin merah,
Keluarlah kamu bersama dengan uri,
Tinggallah bersama dengan si adik wahai jin putih",*

Kemudian tali pusat dipotong. Setelah ianya selesai dipotong dengan dilapikkan dengan wang syiling sebanyak dua puluh sen sebagai pengerasnya kemudian ianya dikeringkan dan disimpan untuk tujuan dijadikan ramuan ubat untuk mengubati penyakit sakit mata bayi.⁸⁰ Begitu juga waktu atau hari gugurnya

⁷⁵ *Ibid.*

⁷⁶ Muhamad Sani Harun (1996), *Petua dan Perubatan Tradisional Melayu amalan turun menurun*, cet.2.K.Lumpur: Cita Khidmat, h. 88.

⁷⁷ Hashim Awang A.R. *Op.cit.*, h. 107.

⁷⁸ Mak Dah Latah, *Op.cit.*

⁷⁹ Mok Moyong,*Op.cit.*

⁸⁰ Muhamad Sani, *Op.cit.*h. 106.

tali pusat bayi yang telah dipotong itu dinilai dan diambil kira dalam masyarakat Melayu Islam Kelantan. Ini adalah kerana hari atau tanggal tersebut mudah mengundang sesuatu musibah kepada bayi tersebut jika cuai atau leka.

3.4.2 Adat-Adat Selepas Kelahiran.

Adat-adat menyambut selepas kelahiran di kalangan masyarakat Islam di Jajahan Tanah Merah lebih tertumpu kepada beberapa kategori . Yang jelas ialah, iaanya dapat dibahagikan kepada tiga kategori iaitu adat-adat pemulihan kesihatan, adat-adat penjagaan serta amalan al-Sunnah yang diadatkan.

3.4.2.a *Adat-Adat Pemulihan Kesihatan (Rawatan)*

Selepas bersalin ibu-ibu perlu dipulihkan taraf kesihatan mereka supaya mereka dapat kembali menjalankan kegiatan harian mereka. Proses pemulihan itu melibatkan kegiatan mengurut dan pengambilan ubat-ubatan seperti “*param*”, ubat tanak atau “*ubat periuk*” dan sebagainya. Walaupun begitu di sana terdapat beberapa amalan pemulihan kesihatan kepada si ibu yang bersalin yang sering diamalkan oleh masyarakat di jajahan tersebut diantaranya ialah:

3.4.2.a.1 *Adat Mengurut*

Amalan berurut selepas bersalin anak ini memang telah menjadi amalan datuk nenek moyang orang-orang Melayu zaman berzaman. Ibu-ibu yang inginkan kesihatan yang baik dan mempunyai potongan yang menarik berurut ialah suatu cara tradisi yang cukup baik untuk mengekalkan kesihatan dan penampilan yang menarik. Cara mengurut ini adalah cara tradisional yang telah diamalkan oleh kebanyakan ibu yang mementingkan kesihatan.

Biasanya setelah ibu-ibu melahirkan anak selama dua minggu, seorang tukang urut akan diupah untuk membetulkan urat-urat yang lemah ketika melahirkan anak. Mengurut seluruh badan selama tiga hari berturut-turut memang baik dilakukan untuk memulihkan tenaga yang lesu.⁸¹ Lazimnya ia diamalkan selepas ibu itu mengambil sarapan.

Bahan asas yang diperlukan untuk mengurut ialah minyak kelapa. Bahagian yang mula-mula sekali diurut ialah perut. Tujuannya ialah untuk mengembalikan kedudukan rahim ke tempat asalnya. Kemudian ibu itu mengiring dan bahagian sebelah badannya diurut, bermula pada bahagian perut, punggung, paha, betis dan kaki. Setelah daripada bahagian itu, di bahagian kiri pula diurut dari perut hingga ke kaki. Tujuannya ialah untuk melicinkan perjalanan darah. Selesai mengurut bahagian kiri dan kanan, si ibu itu disuruh duduk. Dalam keadaan duduk itu diurut bahagian muka, tengkuk, bahu, belakang, pinggang dan punggung. Tujuannya ialah untuk melonggarkan otot-otot serta semua sendi . Setelah selesai diurut seluruh tubuh, si ibu itu dimandikankan dengan air dedaun kayu, iaitu air yang dicampurkan dengan daun capa, daun beluntas, daun pisang kelat daun inai dan daun pandan.⁸² Ia di namakan sebagai mandian “*tersesak*”.

Mengurut selepas bersalin ini dipercayai mempunyai dua kesan. Kesan yang pertama ialah memulihkan kesihatan ibu, iaitu mengetatkan kembali sendi-sendi dan otot-otot. Keadaan tubuh menjadi longgar selepas bersalin. Justeru itu, ianya perlu diurut untuk mengetatkan semula. Selain itu ianya juga dapat menghindarkan ibu-ibu daripada daripada pelbagai jenis penyakit misalnya

⁸¹Mok bidah Latah, *Op.cit*, Temubual pada 21hb.Mei 2002. jam 2.30 petang., Mak Bidan, (2001), *Rawatan Tradisional, ketika mengandung selepas bersalin dan Tip penjagaan bayi*, cet.1. Kuala Lumpur: Usnie Sdn.Bhd, h. 26.

⁸²Tok Mok Yong, *Op.cit*, Temubual pada 15hb.Mac, 2003, Jam12 tengahari, Siti Hasmah bt Mohd Ali (1985), *Wanita : Adat dan Kesihatan*, jld.1, Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 116.

penyakit pening, pitam, sengal-sengal badan, gila merian dan memulihkan kembali kecantikan wajah mereka. Ini adalah kerana urut boleh membantu melicinkan perjalanan darah.⁸³

3.4.2.a.2 Pemandian ‘Teresak’ atau Dedaun

Setelah dua hari melahirkan anak, seseorang ibu boleh memulihkan kesihatannya dengan segera, menghilangkan rasa letih dan lesu. Mandian ini dinamakan “*mandian teresak*”. Lazimnya sebelum mandian itu dijalankan proses pencarian bahan dilakukan dengan penuh tertib dan teratur. Di mana pencari bahan untuk dibuat mandian teresak ini ialah kaum lelaki samada suami atau bapa kepada perempuan yang bersalin atau sesiapa sahaja.

Di antara peraturan yang dikenakan kepada mereka yang pergi mencari daun-daun atau “*bahan-bahan teresak*” tersebut ialah keluar mencarinya dengan memakai serban sekiranya pencari tersebut itu adalah kaum lelaki. Jika perempuan yang pergi mengambil bahan-bahannya maka, wanita tersebut perlulah memakai tudung dan menutup aurat sesuai dengan ajaran Islam. Menurut kepercayaan orang tua dahulu kala bahawa hikmat “*pemandian teresak*” ialah membolehkan bayi tersebut mewarisi sifat dan kelakuan mereka yang mengambilnya. Justeru, kalauolah bayi yang dilahirkan itu seorang bayi lelaki maka orang lelakilah yang wajar mengambil daun-daun teresak tersebut. Sekirannya bayi itu perempuan maka kaum perempunlah yang sesuai mengambilnya.⁸⁴

Bahan-bahan yang diperlukan itu adalah berbeza mengikut bidan-bidan kampung. Lazimnya bahan-bahan yang dicari ialah seperti 3 batang serai wangi,

⁸³ Temubual dengan Mak Da Che Embon, *Op.cit.*

⁸⁴ *Ibid.*

10 helai daun pandan, 5 helai daun lengkuas, 5 helai daun kunyit, 5 helai daun beka dan 5 helai daun mengkudu.⁸⁵

Di antara cara dan peraturan lain yang dikenakan kepada si bapa ialah dengan mengambil wuduk untuk sembahyang terlebih dahulu dan ditadah air wuduk tersebut ke dalam suatu bekas kemudian air tersebut direbus bersama dengan dedaun “*teresak*” yang telah dicarikan. Ini dilakukan bagi mengambil berkat daripada ayah agar anak tersebut mewarisi perangai ayahnya. Kemudian air yang direbus itu dibuat mandi kepada si ibu yang baru bersalin setelah ianya suam. Menurut pendapat orang-orang tua, mandian dengan air suam sangat memberi manfaat kepada orang yang urat sarafnya kendur seperti selepas bersalin. Mandian “*teresak*” dengan menggunakan air yang suam akan mengembalikan dan mengemaskin kembali kekenduran urat tersebut.⁸⁶ Adalah elok mandi ketika matahari naik.⁸⁷

3.4.2.a.3 Bertungku

Menungku ialah menggunakan tungku besi atau batu panas di perut atau kaki. Tungku itu didemah di perut atau di bahagian kaki untuk memanaskan tubuh. Mengikut adat orang tua, perempuan yang baru bersalin dimestikan bertungku bagi mengecutkan batu merian supaya lemak yang berkumpul di bahagian perut itu cair.⁸⁸ Ianya juga boleh memecahkan darah yang beku dalam perut dan mengembalikan urat saraf yang banyak terputus terutamanya selepas bersalin sekaligus dapat memanaskan badannya.⁸⁹ Amalan bertungku dilakukan agar urat saraf yang telah terputus itu akan kembali kepada sedia kala dan juga

⁸⁵ Mok Bidah Latah , *Op.cit.*

⁸⁶ Tok Mok Mokyong, *Op.cit.*

⁸⁷ Moh Moh, *Op.cit.*

⁸⁸ Muhamad Sani Harun, *Op.cit.* ,h. 97.

⁸⁹ Mok Che Empon, *Op.cit.*

untuk mengecutkan peranakan bagi perempuan yang baru bersalin. Namun bagi perempuan yang lukanya terlalu banyak amalan bertungku ini akan bermula selepas tempoh 14 hari pada kebiasaannya. Bagi mereka yang banyak jahitan kesan daripada luka bersalin itu tidak digalakkan bertunggu kerana akan menyebabkan jahitan akan terburai pula. Oleh itu bertungku hanya setelah dijangka bahawa luka dan jahitan itu agak sembah. Bagi mereka yang seperti ini hanya dibenarkan bertungku di bahagian paha ke bawah sahaja. Bahagian yang paling sesuai untuk bertungku ialah tapak kaki dan bahagian ari-ari atau rahim perempuan tersebut.⁹⁰

Di antara cara yang sering diamalkan oleh masyarakat Islam di Jajahan Tanah Merah ialah dengan mengambil sebuku batu sungai yang sederhana besar. Kemudian dipanaskan pada api dapur seterusnya dibungkuskan batu itu dengan daun pisang selapis, lalu dibalut dengan kain dua lapis, dituamkan pada perut dan di bahagian atas daripada paha dan naik ke atas iaitu perut sehingga batu itu berkurangan panasnya. Ianya dilakukan setiap hari selama satu atau dua minggu. Ini akan menjadikan perut perempuan itu kempis selepas melahirkan anak.⁹¹

3.4.2.a.4 Berbarut (Berbekung)

Selepas melahirkan anak, perut perempuan akan kendur dan lembik. Untuk mengembalikan agar perutnya kembali tegang, ibu akan berbarut. Amalan ini lazimnya dilakukan oleh perempuan yang baru sahaja bersalin dengan meminta bantuan daripada orang lain untuk membalut perut. Biasanya mereka yang diminta tolong ialah keluarga yang hampir seperti suami, ibu atau bidan kampung. Kain barut itu mungkin dalam bentuk pembalut yang mempunyai

⁹⁰ Mariam Jusoh, *Op.cit.*

⁹¹ Temubual Siti Fatimah bt Sulaiman, Pengamal adat-adat Tradisional, Kampung Pondok Baru, Tanah Merah, Temubual pada 23hb. Mei, 2002, jam 4.30 ptg.

banyak tali untuk mengikat ataupun 5.5 meter kain yang lebar 1.25 meter yang diikat dan disimpul di bahagian perut. Pada kebiasaanya ia ditempah lebih awal dari tempoh dijangka kelahiran melalui tukang-tukang jahit.⁹²

Bahan-bahan yang selalu digunakan ketika berbarut itu ialah kunyit hidup, garam, asam jawa dan⁹³ kapur sirih. Bahan- bahan tersebut ditumbuk sehingga lumat dan sebatи lalu disapukan di bahagian perut perempuan yang bersalin dan kemudiannya diikat dengan kain barutan dengan ikatan yang agak ketat. Tempoh berbarut yang perlu bagi perempuan yang bersalin ialah dari hari dia bersalin sehinggalah ketempoh 40 hari atau dengan kata lain sehingga tamat tempoh dia berpantang. Amalan ini dilakukan supaya darah nifas yang masih berada di dalam rahim ibu lebih cepat keluar dan sekaligus ianya dapat memulihkan kembali otot- otot yang kendur dan menjadikan ia kelihatan lebih kemas dan rampin. Walaupun begitu, Berbarut tidak digalakkan kepada perempuan yang mempunyai banyak kesan-kesan luka bersalin tetapi dibenarkan pula setelah sembuh daripada luka- luka tersebut.⁹³

3.4.2.a.5 Berdiang (Bersalai)

Amalan ataupun adat ini sudah jarang diamalkan sekarang ini terutamanya di kawasan bandar kerana ia menyusahkan dan membebankan ibu. Namun, ia masih diamalkan di kawasan luar bandar dan di pedalaman. Namun akhir-akhir ini amalan berdiang kini semakin ditinggalkan oleh masyarakat luar bandar kerana mereka beranggapan sudah memadai dengan bertungku sahaja.

⁹² Mok Bidah Latah,*Op.cit.*

⁹³ Mok Che Empon,*Op.cit.*

Walaupun begitu, ia tetap diakui dalam menegangkan urat saraf atau otot-otot yang telah kendur terutama selepas bersalin.⁹⁴

Cara amalan ini dilakukan ialah di mana si ibu berdiang sambil duduk dan di bahagian bawah tempat duduk terdapat api yang menyala atau menggunakan kayu api untuk memastikan darah nifas berhenti dengan segera.⁹⁵ Ia juga mungkin menghalang ibu hamil sekali lagi dan mempercepatkan pengecutan peranakan si ibu.⁹⁶ Amalan berdiang ini boleh menyebabkan kulit si ibu akan terbakar dan menjadi hitam kerana terkena bahang panas daripada api yang didiangkan itu. Mungkin inilah faktor yang menyebabkan ramai ibu-ibu yang menjaga kecantikan di daerah ini kurang mengamalkannya .

3.4.2.a.6 Pantang Selepas Bersalin.

Dalam masyarakat Melayu Islam Kelantan dan khususnya di jajahan Tanah Merah terdapat dua jenis pantang selepas bersalin iaitu pantang larang makanan dan pantang larang mengadakan hubungan kelamin .

3.4.2.a.6.1 Pantang Makanan Selepas Bersalin

Kesihatan harus dijaga dari saat mengandung sehingga selepas bersalin. Kesihatan yang seimbang akan memulihkan semangat hidup seseorang ibu dengan bayi yang dilahirkannya. Justeru, untuk menjamin kesihatan selepas bersalin, maka diamalkan pantang makan makanan. Pantang ini berdasarkan kepercayaan tertentu samada makanan tersebut itu terdiri daripada yang terlalu panas atau terlalu sejuk kepada ibu. Di mana kebanyakan buah-buahan dan sayur-

⁹⁴ Tok Mok Yong, *Op.cit.*

⁹⁵ Siti Hasmah Mohd Ali, (1985), *Wanita : Adat dan Kesihatan*, jld. 1, Kuala Lumpur:Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 113.

⁹⁶ Mok Che Empon, *Op.cit.*

sayuran adalah “sejuk” dan akan menyebabkan perut yang kembang menjadi kejang dan melambatkan rahim mengecut. Air pun dianggap “sejuk” dan jika diminum berlebih-lebihan mungkin menyebabkan perut kembung dan melambatkan proses pengecutannya.

Oleh itu, ibu-ibu yang baru bersalin hanya memakan ikan kering, lada hitam, nasi dan segelas air suam dalam satu hari. Semasa dalam pantang ibu-ibu tidak digalakkan makan makanan yang berminyak kerana kurang baik untuk penceraian. Dalam pada itu juga ibu-ibu tidak dibenarkan untuk menambahkan setiap juadah yang telah dihidangkan untuknya. Ini adalah kerana setiap pertambahan di dalam memakan makanan itu boleh menyebabkan kegemukan.

Pantang larang makanan dikuatkuasakan selepas perempuan itu bersalin iaitu paling lama selama 44 hari. Makanan yang dilarang daripada dimakan ialah makanan yang dijeniskan sebagai bisa. Makanan-makanan itu dipercayai bukan sahaja melambatkan proses pemulihan tetapi memudaratkan kesihatan ibu dan bayi. Antara makanan yang dilarang ialah makanan dari pelbagai jenis ikan kecuali ikan air tawar. Kebanyakan ikan air masin boleh menyebabkan gatal-gatal dan melambatkan sembah luka kesan bersalin antaranya ialah ikan tongkol, udang sotong dan sebagainya.

Manakala sayur-sayuran yang mengakibatkan angin ataupun sejuk seperti pelbagai jenis pucuk, antaranya pucuk paku, lobak, kubis, terung dan pelbagai jenis buah misalnya nangka dan cempedak yang dipercayai boleh menyebabkan kembung perut khususnya bayi sekiranya dimakan oleh ibunya terutamanya sekiranya bayi itu menyusu susu ibu.⁹⁷

⁹⁷ Hashim Awang, A.R, *Op.cit*, h. 111.

3.4.2.a.6.2 Pantang Mengadakan Hubungan Kelamin

Selepas bersalin boleh dikatakan pasangan suami isteri itu tidak dikenakan sebarang larangan kecuali mengelakkan daripada melakuan persetubuhan selama tiga bulan ataupun lebih kurang 100 hari. Justeru, ia dikatakan “berpuasa” selama tiga bulan. Pantang ini⁹⁸ lebih merupakan pantang yang inisiatifnya datang dari pasangan berkenaan. Jika terdapat perlanggaran pantang ini. Tiada hukum yang dikenakan tetapi hukuman yang wajar dikatakan ialah mengandung. Sebenarnya larangan ini dikenakan untuk mengelakkan perempuan itu cepat mengandung . Ini adalah kerana mengikut pandangan masyarakat Melayu si isteri mudah sekali akan mengandung kerana dipercayai bahawa rahim belum betul-betul mengecup. Kata orang tua-tua jika hendak pakai lama cloklah dijaga dan berpuasa dalam tempoh itu. Mengadakan hubungan kelamin terlalu awal selepas melahirkan anak, menimbulkan rasa tidak selesa pada seorang wanita, selain dari gangguan kesihatannya, wanita mungkin akan berasa cepat lelah dan tidak bermaya.⁹⁸

Dalam pada itu juga bahayanya mengadakan hubungan hubungan kelamin kepada ibu yang masih dalam pantang. Sebaik bersalin, rahim ibu tetap mengalami luka yang besar. Di dalam rahim itu terdapatnya uri dan membran yang dikenali sebagai selaput “*emryon*” dan selepas bayi keluar luka ini terdedah kepada jangkitan kuman. Kemungkinan jika berlakunya hubungan kelamin, luka pada mulut rahim yang masih belum sembuh dijangkiti kuman dan menyebabkan luka lambat sembuh. Malahan juga kemungkinan sebab perempuan tidak mengizinkan untuk

⁹⁸ Tok Mok Yong, *Op.cit.*

mengadakan hubungan kelamin kerana berpunca daripada rasa sakit pada bekas luka bahkan jahitan boleh terbuka jika belum baik sepenuhnya.⁹⁹

Seterusnya dikenakan pantang tersebut sebagai suatu cara untuk memberikan peluang dan tenaga kepada si ibu agar dapat ditumpukan kepada penjagaan bayi terutama proses menyusu. Malah si ibu dalam situasi ini lebih berkeadaan muram akibat emosi bercelaru. Tekanan lain di waktu ini amat bahaya sehingga ibu boleh mengalami “*puerperal psychosis*” akibat didatangkan dengan kelahiran anak baru dalam keadaan tidak bersedia.¹⁰⁰

3.4.2.a.7 Pengambilan Ubat

Satu lagi amalan yang sering dilakukan oleh ibu yang baru bersalin ialah pengambilan ubat. Di mana dalam minggu pertama hingga minggu ke lima ibu yang bersalin digalakkan minum “ubat periuk”. Ubat ini boleh dibeli dari bidan kampung atau kedai-kedai ubat tradisional. Kebanyakan “ubat periuk” ini terdiri dari akar-akar kayu yang telah dimasak dan airnya diminum bagi menambahkan tenaga serta melancarkan perjalanan darah. Ianya diminum dua gelas sehari pagi dan petang. “Ubat periuk” ini berkhasiat untuk menaikkan seri muka dan menghindarkan wajah daripada lesu dan pucat.¹⁰¹

Namun ada juga di beberapa tempat di sekitar jajahan Tanah Merah ini yang gemar mengamalkan minum air pati kunyit selepas bersalin. Amalan meminum air pati kunyit ini dilakukan selepas seminggu ibu melahirkan anak.

⁹⁹ Nik Ros bt Ibrahim , Pegawai Perubatan Klinik Penawar,Jalan Tasik, Tanah Merah, Temubual pada 20hb.Sept 2002, jam 4.30 petang.

¹⁰⁰ Hj.Saizan Hj.Ishak, Pegawai Perubatan Klinik Penawar,Jalan Tasik, Tanah Merah, Temubual pada 22hb. Sept, 2002. jam 4.30 petang.

¹⁰¹ Mak Bidan, *Op.cit.*, h. 27.

Ianya diamalkan agar dapat menambahkan seri wajah ibu serta melancarkan perjalanan darah dan memulih serta mengelunkan peranakan.¹⁰²

Caranya, diambil sebuku ibu kunyit, bakar ibu kunyit itu sehingga layu, sebelum dibakar ibu kunyit tersebut hendaklah dibuang kulitnya dan dibersihkan. Setelah cukup layu ibu kunyit hendaklah ditumbuk halus dan dicampurkan dengan $\frac{1}{4}$ cawan air kemudian diberi minum kepada ibu tersebut. Ibu kunyit hanya diberi minum sekali sahaja selepas ibu-ibu melahirkan.

Manakala jamu pula diberikan kepada ibu-ibu yang di dalam pantang. Ini semata-mata untuk menjaga kesihatan agar urat-urat yang lesu tidak dimasuki angin. Meminum jamu juga dapat melancarkan perjalanan darah seseorang.¹⁰³ Biasanya minum jamu diamalkan selepas ibu-ibu meminum air akar kayu selama enam minggu.

Jamu dan *ma'jun* adalah ubat yang dibuat dari berbagai rempah dan dicampurkan dengan telur ayam, manisan lebah, minyak sapi dan berbagai campuran rempah. Ubat *ma'jun* dan *jamu* digunakan untuk memanaskan badan manakala telur dan manisan lebah pula digunakan sebagai pemberi zat membina dan tenaga kepada ibu. Di antara lain ramuannya ialah telur ayam, madu lebah, arang para, halia, bawang putih, bawang merah, garam, asam gelugur dan abu tempurung kelapa muda. Bahan-bahan itu ditumbuk lumat, dibancuh dengan air dan dijadikan ketulan sebesar ibu jari kelingking. Ianya dimakan tiap-tiap pagi selama tiga pagi berturut-turut atau terus dimakan sekiranya ibu inginkannya. Tujuannya ialah untuk membuang darah beku, memberikan kepanasan dan memberikan semula tenaga serta mengeluarkan peluh kepada ibu.¹⁰⁴

¹⁰² Norizan Abu Samah dan Puan Haiza Nor (2001), *1001 petua-petua ajaib*, cet.2. Kuala Lumpur: Jasmine Enterprise, h. 31.

¹⁰³ Muhamad Sani harun, *Op.cit*, h. 95.

¹⁰⁴ Hasim Awang A.R, *Op.cit*, h. 116.

Jamu khas untuk ibu-ibu selepas bersalin boleh didapati di kedai-kedai atau daripada bidan-bidan kampung. meminum jamu ini sering diamalkan bagi ibu-ibu dalam pantang selama 44 hari. Dalam pada itu, si ibu diberikan pilihan samada ingin meminum ubat-uabatan tradisional ataupun ubat-ubatan daripada hospital. Namun kebanyakan ibu-ibu lebih mengutamakan ubat-ubatan tradisional walaupun juga disusuli dengan ubat-ubatan daripada hospital.¹⁰⁵

Bagi ibu-ibu yang melahirkan anak melalui pembedahan, digalakkan memakan ikan haruan atau pati ikan haruan. Ikan haruan boleh dibeli di pasar-pasar manakala pati ikan haruan boleh didapati di kedai-kedai ubat tradisional atau kedai ubat Cina. Ikan haruan dijadikan lauk manakala pati ikan haruan diminum lebih kurang satu botol sehari selama tujuh hari sahaja. Dengan memakan ikan haruan atau pati ikan haruan tadi luka jahitan ibu-ibu akan cepat sembah.

Dalam pada itu juga terdapat sesetengah masyarakat di jajahan ini turut mengamalkan memakan buah kurma atau ratab setelah melahirkan anak. Mereka ini mengambil pengajaran di sebalik daripada peristiwa siti Mariam melahirkan anak tanpa pengawasan dan layanan keluarga. Buah tamar atau *ratab* ini dapat mengurangkan pendarahan sesudah bersalin serta pemulihan rahim sesudah bersalin.¹⁰⁶

Di antara amalan lain yang diamalkan oleh mereka untuk mengendurkan kulit perut yang berkedut kesan selepas bersalin ialah dengan mengambil satu sudu kecil air limau nipis, 20 titik minyak kayu putih, satu sudu air kapur sirih.

¹⁰⁵ Hasmah Mohd Ali,*Op.cit*, h. 113.

¹⁰⁶ Mohd Nor bin Che Isa, *Op.cit*.

Digaulkan bahan-bahan tersebut kemudian disapukan pada perut yang pecah-pecah. Amalan ini biasanya diamalkan selama dua minggu berturut-turut.¹⁰⁷

3.4.2.a.8 *Senaman*

Setelah melahirkan bayi, tubuh seseorang wanita itu akan mengalami perubahan. Di mana keadaan tubuh menjadi berlainan, apabila si ibu sudah bersalin. Untuk memulihkan otot-otot, si ibu memerlukan suatu kaedah pergerakan fizikal dalam masa beberapa bulan selepas bersalin. Kaedah ini dinamakan senaman ringkas samada untuk memperkuatkan otot-otot abdomen, merapatkan otot abdomen yang terpisah, mengetatkan dasar pelvis dan senaman menguatkan kaki. Namun begitu sesetengah ibu- ibu di jajahan berkenaan masih mengamalkan senaman ringkas berdasarkan bilangan hari bersalin sama ada senaman 44 hari sebelum dan selepas bersalin. Senaman di peringkat ini lebih menekankan kepada anggota tertentu seperti perut, punggung, pinggan,tangan dan kaki agar bertambah kuat. Lazimnya senaman ini dilakukan secara perlahan dan beransur-ansur. Bila sudah kuat ianya perlu ditingkatkan secara berperingkat-peringkat.

Menurut bidan-bidan kampung¹⁰⁸ di jajahan Tanah Merah, ibu-ibu yang hanya berbaring sahaja selepas bersalin boleh menimbulkan banyak risiko. Oleh itu ibu-ibu yang bersalin disarankan agar belajar turun dari tempat tidur dan melangkah setapak dua setiap hari dari tempat tidur. Jika si ibu asyik berbaring mungkin boleh terjadi pengumpulan darah pada paru-paru . Sekiranya sebahagian bergumpal terpecah ia boleh sampai ke jantung dan menyumbat salah satu pembuluh darah ini boleh membahayakan keselamatan ibu. Seandainya berlaku

¹⁰⁷ Mak Moh, *Op.cit.*

¹⁰⁸ *Ibid.* Mak Bidah Latah , *Op.cit.*, Tok Mok Yong, *Op.cit.*

sedemikian, tanda-tanda akan jelas akan terjadi ialah kesukaran bernafas atau pendek nafas. Justeru, ibu-ibu disarankan agar berani bergerak selepas bersalin. Di mana perasaan yang terlalu takut boleh menimbulkan masalah kepada kesihatan seseorang ibu.¹⁰⁹

Menurut bidan kampung,¹¹⁰ gerakan-gerakan ringan dalam sembahyang fardhu dan sunat adalah mencukupi bagi senaman ibu selepas bersalin. Gerakan – gerakan itu cukup untuk melancarkan peredaran darah dalam tubuh dan menambahkan oksigen bagi ibu. Ini adalah kerana sembahyang itu mampu melibatkan semua anggota yang perlu digerakkan selepas tempoh bersalin.

3.4.2.b Adat Penjagaan dan Keselamatan Ibu dan Bayi

Kedapatan selepas ibu-ibu melahirkan bayi adat-adat demi menjaga keselamatan ibu mahupun bayi tersebut. Adat-adat di dalam kategori ini dapat diklasifikasikan sebagaimana berikut:

3.4.2.b.1 Adat Penanaman Uri

Menurut kepercayaan orang-orang tua dahulukala uri perlu ditanam mengikut tatacara kerana dipercayai uri adalah saudara tua kepada bayi yang baru dilahirkan itu. Adalah menjadi amalan dan adat kepada orang melayu khususnya di daerah tersebut menanam uri selepas ianya dibersihkan samada oleh bidan atau suami kepada perempuan yang bersalin dengan membacakan selawat dan al-fatihah beberapa kali kemudian barulah dibungkus dengan kain yang bersih.¹¹¹

¹⁰⁹ Mak Bidah Latah, *Op.cit.*

¹¹⁰ Tok Cher, Bidan kampung Kuala Tiga , Gual Ipoh, Tanah.Merah, Temubual pada 15hb.Februari, 2003,jam 2.30 petang.

¹¹¹ Mohd Nor.b.Che Isa, *Op.cit.*

Namun ada segelintir masyarakat Melayu di jajahan Tanah Merah lebih suka dengan memasukan bahan seperti kunyit dan garam kemudian dicampurkan bersama dengan uri yang telah dibasuh dengan bersih. Mereka mahukan uri tersebut tidak berbau busuk setelah ditanam dan tidak mudah dimakan oleh binatang –binatang buas seperti serigala dan sebagainya.

Di dalam peraturan penanaman uri ini ada juga di kalangan masyarakat Islam Melayu Kelantan yang suka memilih orang-orang tertentu untuk menanam uri tersebut. Ini penting kerana masyarakat tersebut mempercayai bahawa perwatakan bayi itu akan dipengaruhi oleh bentuk perwatakan atau saksiahs individu yang menanam uri. Maka orang yang diminta untuk menanam uri itu ialah mereka yang baik pekerti, tingkahlaku, berani, bijak dan alim. Lazimnya uri ditanam di tempat yang selamat dan tidak bertakung air. Ini adalah kerana sekiranya uri tersebut ditanam di tempat yang sering kali bertakung air boleh menyebabkan anak-anak mudah terkena kembung perut.¹¹² Ada juga uri tersebut ditanam di tempat yang sering menjadi laluan orang ramai dan di tempat-tempat yang dianggap sejuk seperti di pohon-pohon pisang dan sebagainya. Ini adalah kerana pada pendapat mereka, uri yang ditanam itu akan mendatangkan kesan kepada bayi semasa dia hidup di dunia seperti mudah dipinang orang dan diminati ramai.¹¹³ Ada juga ianya patut ditanam dikubur-kubur sebagai tanda penghormatan kepadanya.¹¹⁴

Sebaik-baiknya uri itu ditanam selepas melakukan sesuatu pekerjaan yang mampu memerah keringat seseorang seperti selepas mencari kayu api atau sebagainya bagi lelaki dan merumput atau selainya bagi perempuan. Mereka ini mempercayai dengan amalan yang demikian itu, mampu memberi kesan kepada si

¹¹² Tok Mak Moyong, *Op.cit.*

¹¹³ Mohd Nor, *Op.cit.*

¹¹⁴ Mak Bidah Latah, *Op.cit.*

anak tersebut untuk mewarisi tingkah laku dan budi pekerti yang rajin suatu masa kelak.¹¹⁵

3.4.2.b.2 Adat Pelepas

Upacara amalan pelepas dijalankan setelah genap tujuh hari bersalin ataupun setelah gugur tali pusat bayi tersebut. Ianya bertujuan untuk melepaskan diri si ibu dan si anak daripada sial atau mala petaka daripada beban bersalin tersebut.¹¹⁶

Caranya ialah dengan menyediakan wang syiling sebanyak dua puluh sen, sedikit beras di dalam piring dan seutas benang. Wang syiling dua puluh sen sebagai ganti kepada tulang bayi, benang sebagai uraf saraf bayi dan beras sebagai lambang mengeluarkan penyakit daripada daging bayi berkenaan. Upacara dimulakan dengan benang dipintal mudah sahaja agar senang untuk diuraikan nanti sebagai isyarat selesainya sudah upacara pelepas. Sebelum benang yang dipintal itu diuraikan, bidan kampung akan membaca jampi serapah seperti berikut:¹¹⁷

*Bismillahi al Rahmani al-Rahim
Aku nak gerak jaga,
Bidan tujuh aku nak minta kerat Bidan Bongsu,
Minta tolong melepas Wak, melepas Hawa,
Bukan aku yang punya pelepas,
Tetapi Allah yang punya pelepas,
Bukan aku yang lepas,
Tetapi Muhammad yang punya lepas,
Lepas kata Allah, lepas kata Muhammad,
"Kun" kata Allah, "Fayakun" kata Muhammad, "Rabbukum" kata Jibril,
Sa' lit du long, 3 ,4,,5,6,7 lepas.*

Maka diisyaratkan pelepas di wajah perempuan tersebut dan kemudiannya dilumurkan tepung tawar di dahi perempuan berkenaan dan di dahi mak bidan.

¹¹⁵ Mak Dah Latah, *Op.cit.*

¹¹⁶ *Ibid.*

¹¹⁷ Tok Mak Yong, *Op.cit.*

3.4.2.b.3 *Adat Mandi Selepas Pantang*

Setelah genap tempoh berpantang iaitu lepas tempoh 44 hari maka pada hari yang ke 45 itu adalah hari yang perlu diraikan oleh ibu yang berpantang dengan memandikannya dengan air yang telah dicampurkan beras kunyit yang telah didoakan dan dijampikan semasa upacara pelepas sebagai isyarat melepaskan pantang.¹¹⁸ Dari hari itu maka bebaslah ibu itu menjalankan kerja-kerja rumahtangganya atau sebarang apa pekerjaan pun dan bebaslah dia berjalan ke mana-mana jua yang disukainya dengan tidak tertakut-takut ‘*bentan*’ ertinya terkena sakit kerana melanggar pantang.¹¹⁹

3.4.2.b.4 *Adat Penyusuan*

Pada peringkat permulaan selepas kelahiran, biasanya bayi-bayi akan disusu dengan susu dada oleh ibu-ibu mereka dalam tempoh beberapa bulan sahaja. Tetapi selepas itu ibu-ibu akan menukarkannya kepada susu formula yang boleh di dapati di mana-mana pasaran. Penukaran susu ibu kepada susu formula ini adalah kerana mereka berpendapat bahawa susu ibu hanya diperlukah pada peringkat permulaan sahaja setelah itu susu formula diperlukan oleh bayi dalam menambahkan khasiat dan keseimbangan kesihatan bayi.

Namun begitu, masih ada di kalangan ibu-ibu yang tinggal di pedalaman atau luar bandar masih meneruskan penggunaan susu ibu sampai kepada suatu tempoh yang ditetapkan iaitu tidak lebih dua tahun. Menurut mereka penggunaan susu ibu kepada tempoh tersebut dapat menghindari daripada mudah terkena penyakit-penyakit terkini yang berpunca daripada penggunaan susu

¹¹⁸ *Ibid.*

¹¹⁹ Syed Alwi Sheikh Al-Hadi (1980), *Adat Resam Dan Adat Istiadat Melayu*, cet.6. Universiti Malaya, h. 18.

formula. Bahkan juga, sekiranya berlaku penyusuan yang melebihi tempoh yang digariskan oleh syarak khususnya akan membantut kecerdasan otak kanak-kanak.¹²⁰

Biasanya si ibu akan memberikan susu ibu atau susu formula tidak melebihi tempoh dua tahun. Setelah itu satu inisiatif diambil untuk melepaskan anak-anak mereka daripada terus menyusu setelah tamat tempoh yang patut dipatuhi iaitu selama dua tahun. Setelah genap dua tahun anak akan dilepaskan daripada penyusuan. Di mana si anak pada peringkat permulaan untuk lepas daripada susuan itu si ibu-ibu akan menggunakan pelbagai cara dia antaranya ialah dengan menyapu sesuatu pada tetek susu mereka seperti bawang putih, lipstik ataupun kapur dan sirih yang telah dijampikan oleh pawang atau bidan-bidan kampung yang berpengalaman. Kebanyakan bidan membacakan jampi seperti

*“Ya Allah, Tuhan Yang Maha Kaya, haramkanlah ke atas mulut oleh si pulan (bayi) terhadap tetek susu ibunya sebagaimana diharamkan ke atasnya daging babi”.*¹²¹

Jampi ini ditupukan pada sedikit kapur atau beberapa helai daun sirih pinang kemudian disapukan pada dada perempuan tersebut sebagai ubat atau penawar untuk pelepas daripada penyusuan.¹²²

3.4.2.b.5 Perancang Keluarga

Di dalam merancang keluarga, biasanya masyarakat Melayu Islam lebih gemar menggunakan cara-cara kampung. Lazimnya amalan yang diamalkan ialah setelah ibu itu mula mengandung. Di mana si ibu memakan benda-benda atau ubat yang mendatangkan semula haidnya atau menggugurkan hasil kandungannya.

¹²⁰ Hjh.Zainab Bt Daud, *Op.cit.*, 7 September 2002, jam 4.45 petang.

¹²¹ Limah bt.Daud, *Op.cit.*

¹²² Mak Che Empon, *Op.cit.*, pada 21hb.Jun, 2003, jam 12.00 tengahari.

Selain itu, si ibu juga menyuruh bidan kampung menggunakan cara urut-mengurut rahim atau peranakan samada menaikkannya atau menjadikan ianya mengiring atau terbalik lepas bersalin.¹²³ Tetapi yang sering diamalkan oleh kebanyakan masyarakat Melayu Kelantan terutamanya di sekitar jajahan Tanah Merah ialah dengan meminum air daripada beberapa jenis akar, pati kayu atau kunyit yang boleh didapati daripada bidan-bidan ataupun bomoh-bomoh kampung bagi menjarangkan kelahiran mereka. Di antara bahan yang sering digunakan ialah halia, lada sulah, ragi, asam jawa dan lengkuas. Kesemua bahan tadi dicampurkan dan diperah airnya kemudian dibubuhkan sedikit garam dan ditapis untuk diminum.¹²⁴

Namun, ada juga masyarakat Islam di jajahan ini yang mengambil pil perancang bagi menjarangkan anak mereka. Tetapi akhir-akhir ini pengambilan pil-pil perancang keluarga agak berkurangan kerana ia mempunyai kesan sampingan seperti kegemukan atau terlalu kurus disamping senangnya memperolehi ubat-ubatan tradisional di pasaran masa kini.

Sebenarnya pengamalan memberikan susu badan selama lebih kurang dua tahun dapat juga menjarangkan bilangan anak. Ini juga amalan yang masih diamalkan oleh segelintir masyarakat di sekitar daerah ini.

3.4.2.b.6 Adat Pemakaian Azimat atau Tangkal

Menurut Pawang atau bomoh kampung kesukaran tidur waktu malam kerana ada sebab-sebab yang tertentu. Umpamanya kerana lapar, dahaga, sejuk, terlalu panas dan sebagainya. Namun demikian, dalam keadaan yang tertentu ada bayi yang masih menangis atau meragam biarpun keperluan-keperluan tadi telah

¹²³ Hasmah Mohd Ali, *Op.cit.*, h. 121.

¹²⁴ Amnah Hj Noor (2000), *Koleksi Petua Rawatan dan Pantang Selepas Bersalin*, cet. 2. Kuala Lumpur: Usnie Publisher, h. 24, Mak Bidan, *Op.cit.*, h. 71.

diperolehi. Apabila keadaan ini berterusan biasanya ibu mahupun suami akan cuba membawa bayi mereka pergi berjumpa dengan orang-orang alim, mak-mak bidan ataupun pawang-pawang.

Biasanya apabila anak-anak mereka dibawa berjumpa dengan pawang atau orang alim, mereka akan dibekalkan dengan “*air penawar*” untuk diminum apabila mereka pulang nanti. Biasanya air-air ini dijampi terlebih dahulu dengan pelbagai mentera atau ayat-ayat suci al-Quran. Ada juga di kalangan mereka yang diberikan *azimat* atau tangkal untuk dipakaikan kepada lengan atau digantungkan pada leher bayi tersebut. Diharapkan dengan pemakaian azimat tersebut dapat menghalau makhluk halus yang sering mengganggu bayi antaranya ialah “*Ummu Sibyān*”.¹²⁵

Dalam pada itu juga, terdapat *azimat* untuk si ibu yang mengandung. Biasanya “*azimat*” ini dipakai di pinggang perempuan yang hampir bersalin agar memberikan sesuatu kekuatan dan kemudahan untuk bersalin kelak. Bentuk tulisan yang ditulis pada tangkal atau *azimat* seperti :¹²⁶

يَا فَتَاحُ بِلَادِ مَقْتَاحٍ,
افْتَحْ لَنَا بِحُرْمَةِ أُمِّ مُوسَىٰ بِنْتِ لَاوِي بْنِ يَعْقُوبَ صَلَوَاتُ اللَّهِ عَلَيْهِمْ أَجَمَعِينَ،
بِحُرْمَةِ بَذْوَحٍ

3.4.2.b.7 Adat Menyambut Harijadi

Tradisi yang biasanya masyarakat di jajahan ini mengamalkannya ialah menyambut harijadi kelahiran anak-anak mereka. Harijadi ini disambut dengan menjemput jiran tetangga yang berhampiran, teman-teman dan sahabat handai

¹²⁵ Mat Suta, *Op.cit.*, Temubual pada 25hb.Januari 2001, jam 4.50 petang, Pak Su Gi, Bomoh Tradisional, Kg.Kubang Becah, Temubual pada 10hb. Mac, 2003, jam.3.00petang.

¹²⁶ *Ibid.*

untuk meraikan bersama perayaan tersebut. Ada di kalangan mereka yang membawa hadiah untuk diberikan kepada yang mengadakan perayaan harijadi tersebut. Mereka juga mempersiapkan makanan dan minuman khusus untuk perayaan seperti ini diantaranya ialah kek harijadi yang telah dilengkapkan dengan lilin untuk ditiup sebagai menandakan usia kelahiran. Kemudian mereka akan menyalaikan lilin yang diletakkan di atas kek tersebut, lalu hadirin yang dijemput mengelilingi meja makan dan anak-anak yang sedang diraikan ditengah hadapan lilin, kemudian meniupnya hingga padam yang diikuti para hadirin.

Selepas daripada itu, kadang-kadang diiringi juga dengan bacaan doa selamat atau doa panjang umur sekiranya tok lebai dijemput bersama, kemudian barulah hadirin akan dijemput untuk menikmati hidangan yang telah disediakan .

3.5 Amalan-Amalan Sunnah Yang Diadatkan

Adat-adat di dalam bahagian ini lebih kepada menjurus kepada sunnah dan ajaran baginda Rasulullah yang sering diamalkan oleh masyarakat di Jajahan Tanah Merah. Di antaranya ialah;

3.5.1 Azān dan Iqāmah

Lazimnya azān dan iqāmah ini dilakukan setelah selesai daripada bersalin. Bidan hospital atau bidan kampung akan terus membawa bayi tersebut untuk diazānkan dan diiqāmahkan. Ianya diberikan kepada kaum lelaki samada si bapa atau siapa sahaja yang difikirkan mampu untuk melakukannya.

Azān di sebelah kanan telinga bagi bayi lelaki dan iqāmah di telinga kiri bagi bayi perempuan. Namun ada juga di antara masyarakat di jajahan ini yang memperdengarkan azān dan iqāmah di kedua-dua telinga bayi samada bagi bayi

itu lelaki ataupun perempuan dengan mengadap ke arah qiblat. Bahkan ada juga ditambahkan dengan bacaan surah al- Qadr. Menurut mereka bacaan surah tersebut sangat sesuai dan mujarab untuk mengawal dan menghindarkan bayi tersebut daripada berkelakuan kurang sopan dan liar yang boleh mengaibkan keluarganya.¹²⁷

3.5.2 Upacara Tahnik

Masyarakat Melayu dahulu sering memilih hari untuk diadakan suatu majlis atau upacara. Pada era 80an, masyarakat Islam di jajahan ini lebih gemar mengadakan majlis *tahnik* atau “majlis berselawat”¹²⁸ pada pagi Jumaat iaitu selepas menunaikan solat subuh atau selepas sahaja daripada menunaikan solat Jumaat di masjid. Lumrahnya masyarakat Melayu di jajahan ini gemar memilih hari tersebut daripada hari-hari yang lain kerana dua faktor .

Pertamanya ialah hari Jumaat merupakan penghulu bagi segala hari-hari di dalam seminggu. Justeru, *tahnik* dijalankan pada hari tersebut semata-mata untuk mengambil keberkatan. Ini adalah kerana mereka berpendapat pada hari Jumaat terdapat suatu masa atau ketika doa ataupun ibadat yang langsung diterima oleh Allah S.W.T.¹²⁹

Keduanya ialah memandangkan hari Jumaatlah satu-satunya hari cuti am di dalam seminggu bagi negeri Kelantan. Jadi jika upacara *tahnik* ini dijalankan

¹²⁷ Hj.Ghazali Hj.Senik, *Op.cit*, Ali Zulfakhar,(t.t), *Dunia hikmat*, P.Pinang: Malaya Bharu press, h. 97.

¹²⁸ Istilah yang sering diguna pakai oleh masyarakat di sekitar jajahan Tanah Merah, ketika menjemput orang ramai untuk mentahnikan anak-anak mereka.

¹²⁹ Hj.Mohamad bin Hj.Yaacob, Pendakwah Bebas, Majlis Agama Dan Adat Istiadat Islam Kelantan, di masjid padang Siam Tanah Merah, Temubual pada 20hb.April, 2003, jam 9.00 malam.

pada hari tersebut maka senang dan ramailah tetamu yang dapat menghadiri majlis tersebut sekiranya diundang.¹³⁰

Namun akhir-akhir ini pemilihan menentukan hari untuk bertahnik untuk anak-anak mereka oleh masyarakat Islam di daerah ini sudahpun berubah. Di mana ianya tidak lagi khusus pada hari Jumaat tetapi di mana-mana hari yang dikira senang dan mudah bagi pihak mereka mengadakan majlis sepertinya seperti di hari cuti-cutipenggal persekolahan dan sebagainya.¹³¹

Untuk melakukan *tahnīk* atau membelah mulut anak –anak mereka, masyarakat Islam di Jajahan ini akan mempelawa dan menjemput orang-orang alim atau pak-pak lebai seperti guru-guru pondok, imam-imam ataupun ustaz – ustaz ke rumah mereka untuk melaksanakan upacara majlis tersebut. Mereka berhasrat agar anak mereka mendapat keberkatan daripada orang alim tersebut. Di majlis tersebut diadakan kenduri untuk dijamukan kepada mereka yang hadir padanya dan juga jiran-jiran tetangga yang berdekatan.

Lazimnya bahan-bahan sering digunakan di majlis *tahnīk* seperti buah kurma, kismis, garam, asam gelugur, air zamzam, bedak sejuk, air biasa, hati haiwan aqiqah yang telah dimasak, gula batu, satu bentuk cincin emas dan satu bentuk cincin daripada perak dan juga gunting atau pisau cukur.¹³²

Majlis bermula dengan bacaan doa untuk keselamaatan si bayi, di mana imam-atau ustaz mula membelah mulut bayi tersebut samada dengan air zamzam terlebih dahulu, diikuti dengan buah tamar, kismis, garam, gula batu, asam gelugur. Walaupun begitu, ada juga di antara imam-imam tersebut memulakan dengan garam kemudian diikuti dengan buah tamar, kismis, air zamzam, gula

¹³⁰ Hj. Junoh bin Isa, *Op.cit.*, Temubual pada 30hb.Jun,2003, jam 4.45 petang.

¹³¹ Hj.Ghazali Hj.Senik, Imam Mukim Padang Siam,Tanah Merah,Kelantan, Temubual pada 13hb.April, 2003, jam 3.00 petang, Hj. Husien Hj. Yunus, Imam Tua Masjid Manal 1, Tanah Merah, Kelantan, Temubual pada 23hb April, 2003, jam 3.30 petang.

¹³² Hj.Ghazali Hj.Senik, *Op.cit.*

batu, asam gelugur, hati dan nasi. Setelah itu bayi tersebut dibelah pula mulutnya dengan menggunakan cincin yang telah tersedia ada di dalam bekas. Biasanya pembelahan mulut atau tahnik ini dibacakan ayat-ayat suci al-Qurān seperti ayat pembukaan surah *al-Fath*¹³³ dan sebagainya yang difikirkan perlu.¹³⁴ Setelah itu barulah bayi tersebut disapukan dengan bedak sejuk dan diguntingkan oleh tiga orang alim di kalangan mereka yang hadir di majlis itu. Sesudah itu selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W diperdengarkan beramai-ramai dan akhirnya ia disudahi dengan bacaan doa. Lazimnya sesudah itu jamuan akan dihidangkan untuk hadirin di majlis tersebut.

Menurut pendapat imam-imam bahwa terdapat bahan-bahan tambahan daripada bahan Rasulullah kerana disana terdapat banyak rahsia yang pernah diterokai oleh nenek moyang mereka seperti garam digunakan untuk menghindarkan dari pelbagai penyakit sekiranya dimakan sebelum memakan sesuatu makanan atau selepas memakan makanan. Begitulah juga dengan air zamzam terdapat khasiatnya yang tersendiri.¹³⁵ Jadi masyarakat Islam di Kelantan khususnya masyarakat Melayu tradisional banyak menerokai rahsia alam yang belum diterokai oleh masyarakat Islam di dewasa ini. Yang mana setiap manusia telahpun diberikan kuasa untuk melakukan korupsi di atas muka bumi ini.¹³⁶

Setelah majlis bercukur itu selesai, suatu upacara lagi yang perlu dimainkan oleh si bapa ataupun si isteri. Di mana mereka berdua akan cuba memanggil samada bidan kampung atau sesiapa sahaja yang dianggap mampu untuk melakukan upacara mencukur kesemua rambut di kepala anak mereka. Bidan kampung akan mencukur rambut anak-anak mereka dengan menggunakan

¹³³ Ali Zulfakar, *Op.cit*, h. 97.

¹³⁴ Hj. Ghazali bin Hj.Senik, *Op.cit*, , Temubual pada 19hb.Ogos, 2003. jam 2.00 petang.

¹³⁵ Hj.Muhamad bin Awang, Guru Pondok Dar al-Ilmi Bukit Gading, Tanah Merah, Kelantan, Temubual pada 10hb.Ogos,2003, jam 3.00 petang.

¹³⁶ Zaini Ujang, *Op.cit*, h. 61.

pencukur rambut dan juga air mawar untuk direnjis-renjiskan di kepala bayi agar ianya berbau harum dan cepat ditumbuh rambut nanti. Setelah amalan mencukur rambut itu selesai, si bapa akan menimbang rambut anaknya dan mengeluarkan sedekah sebanyak timbanganya pula. Kemudian rambut itu akan dimasukkan ke dalam sebiji buah kelapa muda yang telah ditebus di bahagian atasnya dan seterusnya ditanam bersama dengan kelapa tua yang berada di atasnya.¹³⁷ Diharapkan amalan yang sedemikian itu akan dapat membahagiakan seisi keluarganya terutamanya selepas kehadiran bayi berkenaan.

3.5.3 Pemilihan Nama

Masyarakat di jajahan ini lebih suka menggunakan cara yang paling ringkas untuk anak mereka. Di antaranya ialah dengan menggunakan bahan bacaan seperti buku-buku tentang nama-nama Islam dan sebagainya.¹³⁸ Namun ada juga di kalangan mereka yang bertanyakan kepada ustaz-ustaz tentang erti nama setelah kedua-dua pasangan tersebut menemuinya. Sekirannya dipandang baik maka diterima pakainya.

Tidak dinafikan ada juga di antara masyarakat di Jajahan Tanah Merah yang gemar mencampurkan nama suami dan juga nama isteri di hadapan nama anak tersebut. Itupun setelah dirujuk kepada yang lebih arif tentang maknanya.

¹³⁷Mak Che Embon, *Op.cit.*

¹³⁸Ilyias Zakaria, Pegawai Kadi jajahan Tanah Merah, Temubual pada 15hb, Julai, 2003, jam 3.30 petang.

Nama anak tersebut juga akan ditanya oleh pak-pak lebai atau tuan-tuan imam dan kemudian akan disebut dan diseru oleh mereka yang mentahnik bayi di majlis tersebut nanti.

3.5.4 Aqiqah

Masyarakat Islam Kelantan sebelum mengadakan sesuatu aqiqah mereka akan memilih hari terlebih dahulu. Di mana didapati akhir- akhir ini masyarakat di jajahan ini lebih gemar mengadakan majlis aqiqah pada hari-hari cuti persekolahan. Mereka tidak lagi memilih hari sunat seperti hari yang ke tujuh. Menurut mereka pada cuti sekolah mereka senang untuk menjemput sanak saudara dan sahabat handai serta jiran tetangga untuk hadir ke rumah mereka. Bagi yang berada, mereka menjemput dengan menggunakan kad jemputan tetapi bagi orang sederhana atau orang awam biasanya mereka menjemput melalui pesanan sahaja.¹³⁹

Bilangan haiwan yang disembelih biasanya dua ekor kambing atau biri-biri untuk mengaqiqah anak lelaki dan seekor untuk anak perempuan. Kerja-kerja melapah dilakukan secara berkerjasama di kalangan sanak sudaranya ataupun penduduk setempat. Sebelum diadakan jamuan kenduri maka dijemput terlebih dahulu imam-imam atau ustaz untuk mengadakan sembahyang solat hajat untuk keluarga mereka.¹⁴⁰

¹³⁹ Mohd Yusof bin Mamat, Imam kampung Sokor, Temubual pada 11hb.Mei 2003, jam3.30 petang.

¹⁴⁰ Mohd Noor bin Samat, Imam kampung Tepi Sungai, Temubual pada 21hb.jun, 2003, jam 2.00 petang.

3.5.5 Majlis Khatān (Masuk Jawi)

Majlis *khatān* atau dengan kata lainnya “*masuk jawi*” di dalam masyarakat Islam di jajahan Tanah Merah berbeza mengikut jantina. Bagi kanak-kanak lelaki mereka dikhatañ semasa di sekolah rendah. Masih ada lagi kanak-kanak lelaki yang berkhatān melalui tok mudim kampung tetapi ianya tidaklah ramai seperti dahulu. Namun begitu, sekarang ini khidmat tok mudim hospital digunakan oleh masyarakat kampung. Ini adalah kerana kos perkhidmatannya agak murah dan lebih sofistikated jika dibandingkan dengan tok mudim kampung. Begitu juga ramai ibubapa yang lebih gemar mengkhatānkan anak mereka di klinik-klinik swasta. Mereka ini menempah terlebih dahulu daripada doktor-doktor klinik suatu masa atau waktu untuk dikhitanan anak-anak mereka. Biasanya klinik-klinik swasta ditempah pada musim cuti persekolahan.¹⁴¹

Manakala kanak-kanak perempuan dikhitanan semasa umur di dalam lingkungan tujuh hari atau lebih sedikit. Mereka dikhatañkan melalui khidmat mak bidan kampung dengan peralatan seperti dua puluh sen sebagai pengeras, kapas dan pisau kecil. Sebelum dikhitanan bacaan doa dan jampi serapah dibacakan agar terlepas daripada bala dan musibah yang tidak diingini.¹⁴² Kebanyakan jampi ialah surah *al-Fātiḥah* dan selawat kepada junjungan Rasulullah serta surah *al-Ikhlas* sebanyak 3 kali.¹⁴³

Sebelum diadakan majlis *khatān* ini solat hajat, doa selamat dan majlis jamuan di adakan bagi meraikan majlis tersebut. Suatu ketika dahulu sebelum

¹⁴¹ Hj.Saizan Hj.Arsyad , *OP.cit.*, Temubual pada 12hb.Oktoper 2003, jam 5.30 petang.

¹⁴² Tok Mak Yong,, *Op.cit.*

¹⁴³ *Ibid.*

berlangsungnya majlis *khatān* masyarakat di daerah tersebut mengadakan majlis tolak bala diadakan tetapi sekarang majlis itu telah pun ditukarkan kepada majlis solat hajat dan doa selamat.¹⁴⁴

¹⁴⁴ Hj. Ghazali Hj.Senik, *Op.cit.*